

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

PUPUK MINAT, CINTAKAN AL-QURAN KALANGAN MKOKU



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena bulan Ramadan yang diadakan oleh Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman (Lihat muka 3).

Pegawai i-Ready disaran berani ceburi bidang perniagaan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Pada masa ini, terdapat banyak peluang perniagaan yang boleh dibuat oleh lepasan-lepasan i-Ready.

Sebagai contoh, mereka yang berkemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi mungkin dapat memulakan perniagaan bagi menyediakan perkhidmatan pembangunan aplikasi, perisian atau penyelenggaraan rangkaian.

Dengan pertumbuhan e-Dagang, mereka boleh memulakan perniagaan dalam talian seperti kedai dalam talian, pasaran dalam talian, atau perkhidmatan penghantaran.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata demikian pada Majlis Penutup Program i-Usahawan Startup673 : Fasa 1 - MOH Edition yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat seterusnya menyeru kepada pegawai-pegawai i-Ready yang akan tamat perkhidmatan untuk memberanikan diri untuk menceburi bidang perniagaan meskipun secara kecil-kecilan.

"Apa yang dapat kita lihat pada masa ini ialah banyak peniaga yang kini berjaya bermula dari perniagaan yang kecil-kecilan terlebih dahulu.

>> Muka 4

Khatam Al-Quran terus semarakkan Ramadan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

SERUSOP, Ahad, 31 Mac. - Majlis-majlis keagamaan khususnya Majlis Khatam Al-Quran terus menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang telah memasuki 10 hari terakhir Ramadan.

Sehubungan itu, Pertubuhan WARGAMAS pagi ini telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam dan Tadarus Al-Quran serta Penyampaian Sumbangan Anak-anak Yatim bertempat

di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan pelancaran bacaan Al-Quran 78 Kali Khatam.

>> Muka 5

Kebajikan anak yatim terus dipeduli

Oleh : Khartini Hamir

MUKIM KILANAS, Ahad, 31 Mac. - Seramai 18 anak yatim dari Kampung Kilanas, petang tadi menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma yang diadakan di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Majlis diumumkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid yang kemudiannya turut menyempurnakan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan para peserta Tadarus Al-Quran.

Juga hadir sama, Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Ameerol Bahrynee bin Haji Abdul Hamid, juga selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

>> Muka 6



Berita Utama



TADABBUR Surah At-Taubah serikan Munajat Ramadan

Muka 7




AWANG Mohammad Noor Fauzan Azizi juara Pertandingan Public Speaking

Muka 9



ZAHIRKAN sikap pemedulian, bantu golongan yang memerlukan

Muka 13



KOMITED memperkasa pendidikan para pelajar

Muka 21



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada Rabu, 27 Mac 2024.

Al-Quran panduan lengkap lagi sempurna

majlis Sambutan Nuzul Al-Quran di peringkat negara pada tahun ini ialah 'Al-Quran Pedomanku'.

Tema ini sangatlah signifikan. Apatah lagi pada masa dunia sedang menghadapi pelbagai pancaroba yang sangat mencabar. Dengan situasi ini, memang wajar kita menjadikan Al-Quran sebagai sumber utama rujukan dan pedoman dalam kehidupan ini.

Al-Quran tidak diragukan lagi adalah kitab suci dan istimewa. Di dalamnya terdapat panduan yang lengkap lagi sempurna. Al-Quran mengandungi jawapan kepada segala persoalan hidup, baik yang berkaitan dengan hubungan antara manusia mahupun dengan Allah Ta'ala. Beta yakin jika semua orang tunduk dan berpegang kepada Al-Quran, nescaya dunia ini akan aman sejahtera.

Kerana itu, Brunei Darussalam mesti komited dengan Al-Quran, memperkukuh pembacaan Al-Quran. Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan mesti menguatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta, sentiasa memantau perkembangan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah rendah hingga ke peringkat tinggi.

Beta berhasrat, semua anak Brunei adalah pandai membaca Al-Quran dengan bertajwid. Maka oleh itu, khidmat guru-guru adalah diperlukan untuk melutani pengajaran Al-Quran, terutama bagi murid-murid di sekolah rendah yang belum berapa lancar membaca Al-Quran, di samping tidak mengabaikan juga pelajar-pelajar di sekolah menengah.

Beta mengambil maklum bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam telah melaksanakan

Program Tahsin Qira'atil Qur'an yang mula diperkenalkan pada tahun 2021. Ini adalah rancangan yang bagus untuk meningkatkan kemahiran para guru agama dalam pembacaan Al-Quran. Beta percaya, pelaksanaan rancangan ini mampu untuk menghasilkan guru-guru agama yang berkualiti dalam pembacaan Al-Quran.

Selain itu, beta turut mengambil maklum, mengenai Program Tadabbur Al-Quran yang diungkapkan oleh beberapa pihak, khususnya agensi-agensi di bawah KHEU dan lain-lain institusi pendidikan di negara ini. Dengan wujudnya pelbagai inisiatif murni seperti ini, kita di Brunei tidak hanya akan fasih membaca Al-Quran, bahkan juga akan dapat memahami maksud Al-Quran. Inilah hasil tadabbur yang diharapkan.

Alhamdulillah, beta juga sangat bersyukur, manakala mengetahui bahawa bukan sahaja pihak kerajaan, malah juga pihak swasta, agensi-agensi tempatan dan para belia masing-masing mempamerkan kesungguhan, turut sama-sama berkecimpung menghayati Al-Quran, melalui pusat-pusat pengajian, termasuk kelas-kelas menghalusi bacaan. Kelas-kelas ini sangatlah mustahak, yang juga berkait rapat dengan pengukuhan amalan beragama. Beta berharap pihak-pihak berkenaan akan terus menyokong usaha-usaha berkecimpung ini, di samping dalam masa yang sama memantau kelas-kelas berkenaan supaya tidak terpesong atau tersasar dari landasan pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafi'e.

Akhirnya beta mengajak semua kita, untuk sama-sama memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya ibadat puasa serta apa jua amalan yang berkecimpung yang kita lakukan di bulan Ramadan yang penuh rahmat ini akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda. Amin.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,

Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir di majlis yang penuh berkat ini. Beta difahamkan tema

WAKTU SEMBAHYANG										
April MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	ISNIN	21	4.52	5.02	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
2	SELASA	22	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
3	RABU	23	4.51	5.01	6.18	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
4	KHAMIS	24	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
5	JUMAAT	25	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.26	6.28	7.38
6	SABTU	26	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
7	AHAD	27	4.49	4.59	6.17	6.39	12.23	3.27	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	34 25 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	33 25 °C	34 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 25 °C	34 25 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	33 25 °C	34 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

1 APRIL 2024

Lipat gandakan pahala dengan bersedekah

BULAN Ramadan adalah bulan yang sangat dimuliakan. Bulan yang penuh dengan keberkatan ini memberi kita peluang untuk menambah pahala dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan apa yang telah diperintahkan oleh Allah.

Salah satu pintu yang dibuka oleh Allah untuk meraih keuntungan besar daripada bulan Ramadan adalah melalui sedekah. Islam menganjurkan umatnya untuk banyak bersedekah.

Allah Subhanahu Wata'ala sangat memuliakan orang-orang yang bersedekah. Ia menjanjikan banyak keutamaan dan balasan yang menakjubkan bagi orang-orang yang sering bersedekah.

Kita sebagai hamba Allah tidak boleh seharusnya rasa bongkak dan takbur dengan harta yang diberi oleh Allah. Kerana sesungguhnya sifat bongkak dan takbur itu hanya milik Allah.

Dengan bersedekah, kita akan dapat kikis sifat-sifat itu. Oleh kerana itu, Allah akan menyayangi mereka yang mempunyai hati yang sentiasa bersyukur dan rendah hati.

Tambahan pula bulan Ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan. Allah akan mendorong setiap hati-hati yang ingin kepada kebaikan ke arah yang lebih baik.

Amalan bersedekah dengan ikhlas akan menambah lagi keberkatan dalam rezeki kita dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara keutamaan yang dijanjikan ialah sedekah dapat menghapus dosa; orang yang bersedekah akan mendapatkan naungan pada hari akhir; sedekah juga memberi keberkatan pada harta; Allah akan melipatgandakan pahala orang yang bersedekah di samping terdapat pintu syurga yang hanya dapat dimasuki oleh orang yang bersedekah.

Selain itu, sedekah akan menjadi bukti keimanan seseorang; sedekah juga dapat membebaskan daripada seksa kubur; sedekah dapat mencegah pedagang melakukan maksiat dalam jual beli dan orang yang bersedekah merasakan dada yang lapang serta hati yang bahagia.

Pada zaman teknologi serba canggih ini, amalan bersedekah lebih mudah dengan bantuan kemudahan teknologi terkini. Dengan hanya secara dalam talian, orang ramai boleh bersedekah tanpa perlu secara fizikal bersedekah.

Badan-badan kerajaan juga pada masa ini membuka peluang kepada orang ramai untuk menginfakkan sedekah seperti bantuan keperluan harian kepada orang-orang yang memerlukan.

Oleh itu, marilah kita melipatgandakan pahala kita pada bulan yang penuh mulia ini dengan bersedekah, kerana dengan amalan bersedekah, rezeki kita akan digandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah peluang kita untuk merebut peluang keemasan ini untuk membuat kebajikan kepada mereka yang memerlukan. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندی رین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PUPUK MINAT, CINTAKAN AL-QURAN KALANGAN MKOKU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

MADANG, Sabtu, 30 Mac. - Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai oleh 41 peserta yang terdiri daripada individu dengan kelainan upaya dan ahli keluarga dan tenaga



pengajar.

Selepas itu, bacaan Takhtim dipimpin oleh tenaga pengajar perempuan Unit Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam

(JPI) manakala Dikir Marhaban pula dibacakan oleh tenaga pengajar lelaki Unit Pendidikan Khas Ugama, JPI dan seterusnya, Doa Khatam dibacakan oleh individu OKU Penglihatan, Awang Md. Hakim Imanuddin bin Asarwih dari Brunei Darussalam National Association for Blind (BDNAB).

Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan pula dipimpin oleh Guru Ugama Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Maryam, Awang Sanip bin Haji Tarup.

Majlis ini bertujuan untuk menanam minat dan cintakan Al-Quran dalam kalangan warga MKOKU dan memupuk semangat perpaduan dan persefahaman serta mengertakan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli MKOKU.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan (atas dan kiri).

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap,

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU.

Menyemarakkan Nuzul Al-Quran

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyampaikan derma kepada anak-anak yatim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, hari ini bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi

(Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian berserta pegawai dan kakitangan Kementerian

Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan Al-Quran oleh pegawai dari Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim, yang merupakan pemenang qari Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Tahun 2023.

Kemudian acara disusuli dengan penyampaian derma kepada 19 orang anak-anak yatim Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis juga diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Kaunselor Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

Majlis seumpama ini merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi di samping mengeratkan

hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



CERAMAH Khas bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Kaunselor Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

>> Muka 1

"Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 – MOH Edition yang julung kalinya diadakan ini, adalah salah satu usaha strategik kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dalam menggerakkan ekosistem keusahawanan dan mewujudkan peluang ekonomi khususnya bagi pegawai-pegawai i-Ready.

"Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition ini adalah satu inisiatif bersama Kementerian Kesihatan dengan pihak Darussalam Enterprise (DARE), Shell LiveWIRE Brunei, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Brunei Innovation Lab (BIL) untuk membangun kapasiti dan kemahiran pegawai-pegawai i-Ready yang mana ia dihasratkan agar dapat merangsang inovasi serta mencetus kreativiti melalui kemahiran keusahawanan (*entrepreneurship*),

PEGAWAI I-READY DISARAN BERANI CEBURI BIDANG PERNIAGAAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

yang dapat diguna pakai atau diceburi khususnya setelah menamatkan program i-Ready di Kementerian Kesihatan, sekali gus mendukung hasrat negara bagi mempelbagaikan dan menjana pertumbuhan ekonomi melalui bidang keusahawanan," jelas Yang Berhormat.

Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition, yang telah diadakan selama 14 hari bermula 19 Februari hingga 8 Mac 2024 ini tambah Yang Berhormat, tidak hanya diberikan latihan-latihan untuk memupuk bakat keusahawanan malahan juga telah didedahkan kepada cabaran-cabaran yang ada di Kementerian Kesihatan di mana mereka secara berkumpulan telah membincangkan dan mencadangkan idea-idea, inisiatif-inisiatif atau solusi bagi penambahbaikan proses / sistem dan perkhidmatan Kementerian ini seperti waktu menunggu P3 di Jabatan Kecemasan, pengurusan pensijilan Basic Life Support (BLS), kos penyelenggaraan alat-alat, dan lain-lain.

"Alhamdulillah, idea-idea yang telah dikongsikan disambut baik oleh ketua-ketua jabatan yang menghadiri sesi Pitching Day program tersebut dan keseluruhan

idea yang dicadangkan seperti UbatCepat (vending machine), aplikasi BNTracert, StoKu, Ringkas, sistem Senyum - Robotic Nursing Assistant, dan Medical Training Hub adalah sangat bernas, boleh dilaksanakan, praktikal, inovatif dan memperlihatkan kreativiti serta ketekunan pegawai-pegawai i-Ready untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran-cabaran yang ada di Kementerian Kesihatan," terang Yang Berhormat.

Sesungguhnya ujar Yang Berhormat, idea-idea berkenaan mencerminkan semangat keusahawanan dan aspirasi untuk mencapai kecemerlangan dalam dunia perniagaan.

Yang Berhormat terdahulu menggariskan, Wawasan Brunei 2035 membawa visi yang jelas untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berwawasan, berdaya saing, dan berakhlak mulia.

Salah satu elemen penting dalam mencapai wawasan berkenaan kata Yang Berhormat lagi, adalah melalui pembangunan ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan.

Menurut Yang Berhormat, kebolehan pegawai-pegawai dalam memikirkan solusi-solusi yang kreatif dan relevan adalah bukti

yang jelas bahawa masa depan keusahawanan adalah cerah.

Yang Berhormat juga turut difahamkan bahawa idea projek yang *viable* daripada program berkenaan akan dipilih untuk menerima pembiayaan bagi dilaksanakan dan dikembangkan dengan bimbingan pihak-pihak yang tertentu.

"Tahniah dan Syabas diucapkan kepada peserta-peserta i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition di atas pencapaian ini dan diharap program seperti ini dapat dijadikan

sebagai nilai tambah kemahiran untuk persediaan setelah menamatkan program i-Ready di Kementerian ini nanti.

"Pengetahuan yang diperoleh di Kementerian Kesihatan dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan diharap akan meningkatkan *marketability* dalam pencarian pekerjaan sama ada di pihak kerajaan, swasta, atau sebagai persediaan bagi yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan di masa akan datang," ujar Yang Berhormat lagi.

"PROGRAM i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition ini adalah satu inisiatif bersama Kementerian Kesihatan dengan pihak Darussalam Enterprise (DARE), Shell LiveWIRE Brunei, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Brunei Innovation Lab (BIL) untuk membangun kapasiti dan kemahiran pegawai-pegawai i-Ready yang mana ia dihasratkan agar dapat merangsang inovasi serta mencetus kreativiti melalui kemahiran keusahawanan (*entrepreneurship*), yang dapat diguna pakai atau diceburi khususnya setelah menamatkan program i-Ready di Kementerian Kesihatan, sekali gus mendukung hasrat negara bagi mempelbagaikan dan menjana pertumbuhan ekonomi melalui bidang keusahawanan," jelas Yang Berhormat.

Startup673 : Meneroka jalan penyelesaian dalam bidang penjagaan kesihatan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Penutup bagi Program i-Usahawan Startup673 : Fasa 1 - MOH Edition pada hari ini bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama Tingkat 2, Awang Muhammad Khairunissa bin Haji Muhd. Zainin dan seterusnya sesi perkongsian pengalaman daripada wakil pegawai i-Ready.

Diikuti dengan tayangan video mengenai Recap dan Highlights sepanjang program dijalankan.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis dan penyampaian hadiah kepada para pemenang, diikuti dengan penerangan mengenai Startup673 : What's Next? yang disampaikan oleh Programme Director of Shell LiveWIRE Brunei, Awang Abdul Qawiem bin Haji Yacob.

Majlis Penutupan Hackathon berkenaan adalah bukti kerja keras, kreativiti dan inovasi semua peserta.

Para pemenang bagi Program i-Usahawan adalah The Youth dengan projek Medical Training Hub dengan projek mereka berkaitan dengan pangkalan data berpusat (*centralised database*) bagi pusat-pusat latihan sedia ada bagi menyediakan kursus latihan berkaitan kesihatan, dan Kalkulated Viktory / Solve dengan projek One Stop Fix, iaitu platform inventori untuk pengurusan alat ganti, termasuk perkhidmatan pembaikan dalaman dengan menggunakan komponen boleh guna semula (*reusable components*) dan inventori (*library*) yang mempamerkan bahagian yang tersedia.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Semua pasukan yang menang menunjukkan idea inovatif sebagai calon yang layak untuk pembiayaan (*seed funding*) bagi memudahkan fasa seterusnya bagi projek mereka.

Sokongan kewangan berkenaan bertujuan untuk membolehkan pasukan-pasukan berkenaan mengembangkan dan memperhalusi prototaip mereka ke tahap implementasi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya mengunjungi pameran yang dipamerkan oleh pegawai-pegawai i-Ready.

Program Startup673 yang disertai oleh seramai 60 perantis i-Ready dari Kementerian Kesihatan berkenaan merangkumi fasa 1 bagi projek Hackathon yang telah bermula pada 19 Februari 2024 dan diadakan selama dua minggu.

Program berkenaan memberi peluang kepada para peserta untuk menjadi lebih kreatif dan meneroka kerja dalam bidang teknologi dan inovasi, sambil memupuk kemahiran teknikal mereka.

Cabaran yang diketengahkan dalam program berkenaan memberi penekanan kepada cabaran *healthcare-oriented* dan berfikirin minda keusahawanan.

Hackathon bermula dengan Hari Terbuka bagi sesi suai kenal, penubuhan pasukan, dan perjumpaan dengan bakal-bakal penaja yang berpotensi, diikuti dengan bengkel yang khusus untuk *builders* dan *non-builders* bagi membuat persediaan program berkenaan.

Semasa fasa *intensive hacking*, setiap pasukan perlu menumpukan perhatian dalam membangunkan idea mereka dan pembentangan terakhir mereka.

Mereka diberi peluang untuk membentangkan idea-idea inovasi mereka kepada pakar-pakar yang terbabit, menerima maklum balas dan memberikan jalan penyelesaian kepada cabaran-cabaran di bidang penjagaan kesihatan.

Sepanjang Hackathon dijalankan, sebanyak 14 pasukan telah



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan menyaksikan pameran pada majlis tersebut (kiri dan atas).

ditubuhkan dan berjaya menyampaikan idea-idea mereka berdasarkan komposisi pasukan, inovasi, daya maju, *market analysis* dan *financial projections*.

Setiap pasukan menumpukan perhatian untuk menangani tujuh kenyataan cabaran pilihan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, termasuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan, memajukan pendigitalan, meningkatkan pengurusan aset, mengoptimalkan latihan Basic Life Support (BLS), meningkatkan kebajikan kakitangan, memperkemas tindak balas bagi kes kecemasan, dan memperhalusi logistik untuk makmal pergigian.

Startup673 merupakan satu platform di mana inovasi bertemu dengan keusahawanan, memupuk persekitaran yang dinamik untuk mengembangkan idea-idea inovatif dalam memperkembangkan perniagaan.

Program berkenaan dianjurkan bersama oleh Kementerian Kesihatan, Shell LiveWIRE Brunei, The Brunei Economic Development Board melalui Darussalam Enterprise (DARE), Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) yang menggunakan Brunei

Innovation Lab (BIL) sebagai platform inovasi.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Ajar binti Haji Yusop; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Md. Ismail; Corporate Manager, Brunei Shell Petroleum (BSP), Awang Haji Jaafar bin Haji Awang Bakar; Pengarah Pembangunan Perusahaan di DARE, Dayang Norlela binti Suhailee; Deputy Chief Executive, AITI, Dayang Julianah binti Haji Ahmad; dan In-Country Value Lead, BSP dan Chairperson of BIL, Awang Haji Mohammad Amirul Shahnoel bin Haji Mohammad Noeh; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Bagi maklumat lanjut mengenai Startup673, orang ramai boleh melayari laman sesawang BIL atau melalui media sosial @startup673.bn.

KHATAM AL-QURAN TERUS SEMARAKKAN RAMADAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS (atas kanan dan atas).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Seterusnya, bacaan Surah Al-Baqarah, ayat 1 hingga 16 secara beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Muhammad Khalid bin Haji Jalil manakala Doa Khatam dibacakan oleh Begawan Mudim Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim dan diakhiri dengan Dikir Marhaban oleh Pertubuhan WARGAMAS dan

Jabatan Pengajian Islam.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS dan penyampaian sijil penghargaan kepada Pentasmi (Program Tadarus dan Tasmi).

SEKITAR majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop (kanan dan kanan sekali).



62 anak yatim Mukim Lumapas terima sumbangan derma



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan (kanan dan atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



LUMAPAS, Sabtu, 30 Mac. - Seramai 62 anak yatim dari Mukim Lumapas menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Mukim Lumapas sempena bulan Ramadan yang diadakan di Masjid Kampung Kasat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pegawai Daerah Brunei dan Muara; ketua-ketua kampung dan pemangku-

pemangku ketua kampung bagi Mukim Lumapas serta para penduduk kampung dan mukim sekitarnya.

Pengisian majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah, dan kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma hasil daripada sedekah dan derma ikhlas daripada para penduduk kampung kawasan Mukim Lumapas kepada para penerima yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Kebajikan anak yatim terus dipeduli



>> Muka 1

Acara turut diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan bulan Ramadan, yang mana bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian derma anak yatim dan penyampaian sagu hati dan cenderamata kepada para peserta Tadarus Al-Quran pada malam-malam bulan Ramadan pada tahun ini.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

Majlis diadakan bertujuan

semata-mata bagi meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala pada bulan Ramadan yang mulia dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan

dan memudahkan urusan persediaan serta memberikan keceriaan kepada anak-anak yatim berkenaan pada bulan Ramadan Al-Mubarak lebih-lebih lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Azmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan para peserta Tadarus Al-Quran (kiri dan atas).

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

PEJABAT PEGUAM NEGARA SEMARAK NUZUL AL-QURAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Pejabat Peguam Negara

Mohammed Taib.

Turut hadir ialah Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi serta pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penasihat Undang-undang, Pejabat Peguam Negara, Awang Muhd. Adi Faisal bin Haji Omar dan diikuti dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam, Dikir dan Doa Selamat.

Aktiviti keagamaan berkenaan dijalankan setiap tahun bagi memuliakan bulan Ramadan yang bermula dari awal Ramadan oleh pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Antara objektif majlis seumpama berkenaan diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan pejabat ini.



MAJLIS Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Sempena menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Pejabat Peguam Negara mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini.

Tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji

TADABBUR SURAH AT-TAUBAH SERIKAN MUNAJAT RAMADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TEMBURONG, Ahad, 31 Mac.
- Golongan munafik lelaki dan perempuan adalah sama dalam kekufuran dan kemunafikan serta sifat-sifat buruk mereka iaitu menyuruh orang lain melakukan kemungkaran, mengkufuri Allah Subhanahu Wata'ala dan mendustakan Rasul-nya serta melarang orang lain daripada beriman dan mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulnya. Selain itu, bakhil untuk membelanjakan harta mereka pada jalan Allah dan mengabaikan Allah Subhanahu Wata'ala dengan tidak melaksanakan kewajipan yang diperintakkannya.

Ancaman Allah ke atas orang-orang munafik ialah dihimpunkan bersama orang-orang kafir dalam Neraka Jahanam dan kekal di dalamnya dan dijauhkan daripada rahmatnya serta ditimpakan azab yang berterusan pada hari kiamat.

Demikianlah antara huraian inti sari dan pengajaran ayat daripada Tadabbur Al-Quran, Surah At-Taubah, ayat 67 hingga ayat 69 yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Abdul Muiz bin Haji Amat.

KHEU meneruskan acara Munajat Ramadan Ke-131 bersempena bulan Ramadan yang di dalamnya peluang mempertingkatkan amal ibadah dan amal kebajikan semata-mata untuk meraih kelebihan dan ganjaran pahala berlipat ganda dibukakan seluas-luasnya oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Tumpuan utama Munajat

Ramadan kali ini ialah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Turut hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Munajat Ramadan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Munajat Ramadan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong yang juga dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau Daerah Temburong bersama para penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Temburong.

Turut menyertai Munajat Ramadan secara maya pada awal petang kelmarin ialah warga kerja beberapa buah kementerian dan jabatan di negara ini. Mengimarahkan lagi ialah kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah masjid dari 58 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Munajat Ramadan kali ini juga turut diserikan dengan penyertaan para mualaf bersama rombongan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU melalui Safari Munajat ke Rumah Panjang Bang Taong,



HADIR bagi sama-sama menyemarakkan Munajat Ramadan ialah Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Mukim Sukang, Daerah Belait.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Arab Temburong, Jabatan Pengajian Islam, Awang Abdul Rahman bin Haji Awang.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, KHEU, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri. Acara diteruskan dengan bacaan Asma Al Husna beramai-ramai oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung

Daerah Temburong.

Bagi memberkati acara Munajat Ramadan, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.

Munajat Ramadan anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amal ibadah pada bulan Ramadan ini, serta meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca Surah Yaa Siin dan ayat-

ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana serta penyakit merbahaya.

Semoga dengan amalan ibadah pada bulan Ramadan ini, kehidupan kita dan Negara Brunei Darussalam diberkati. Penyertaan bagi Munajat Ramadan dibukakan kepada orang ramai dan dapat diikuti secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Sumbangan derma ringankan beban anak yatim menjelang Aidilfitri



SENGKURONG, Ahad, 31 Mac.
- Seramai 117 anak-anak yatim menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Kampung Sengkurong 'A', Kampung Sengkurong 'B', Kampung Tagap, Kampung Selayun dan Kampung Tanjung Nangka bagi Tahun 1445H / 2024M bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Pada majlis tersebut, hamper-

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri semasa menyampaikan sumbangan derma kepada penerima pada Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim berkenaan.

hamper turut disampaikan oleh penyumbang perseorangan daripada Pengarah Urusan Gunung Jati bersama Anak-anak Syarikat, Awang Haji Yussof bin Haji Metussin dan isteri; dan Club Nissan Terra Brunei, serta sumbangan peribadi yang disampaikan oleh Dayang Nasirah binti Abdullah, wakil peribadi Nazmi Textile.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, Haji Awang Manan bin Haji Osman, dan disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Imam Masjid Sultan

Sharif Ali Sengkurong, Haji Awang Mohd Zaidin bin Haji Awang selaku Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong.

Majlis juga diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Bilal Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, Mohammad Nurkhairi bin Haji Abd. Mustafa, manakala bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh Haji Awang Manan.

Acara tersebut merupakan salah satu acara tahunan yang termasuk dalam kalender Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong yang dianjurkan setiap tahun di dalam bulan Ramadan dan dikelolakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, jemaah Muslimah Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong dan Belia Syaababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong.

Tujuan acara tersebut diadakan ialah untuk memberikan ukiran senyuman kepada anak-anak yatim dalam sama-sama menyambut Hari

Raya Aidilfitri yang tidak lama lagi akan menjelang.

Sumbangan derma ini juga boleh diguna pakai bagi tujuan perbelanjaan dan kegunaan persekolahan serta lain-lain dengan sebaiknya.

Sumbangan derma anak yatim pada hari ini adalah hasil terkumpul daripada sumbangan orang ramai melalui Tabung Khas Anak Yatim yang dibukakan oleh Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong yang telah mendapat kebenaran daripada Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam. Sumbangan pada hari ini juga diperolehi daripada persatuan-persatuan dan orang-orang perseorangan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid, Penghulu Mukim Sengkurong, Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Pemangku Ketua Kampung Tagap dan Selayun, Pemangku Ketua Kampung Tanjung Nangka, pegawai-pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid.

PELUANG BELIA CEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN, TINGKATKAN KEMAHIRAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

kehormat majlis, dan diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Tetamu kehormat majlis seterusnya dibawa melawat ke petak-petak jualan yang ada.

Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2024 berkenaan merupakan salah satu program keusahawanan yang diadakan dalam bulan Ramadan bagi persiapan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Antara objektif jualan berkenaan ialah bagi memberi peluang kepada belia dan masyarakat di negara ini menceburi bidang keusahawanan dan meningkatkan kemahiran serta menjana ekonomi masing-masing.

Di samping itu, bagi membantu dalam mempromosikan produk yang mereka usahakan untuk mencari pelanggan tetap.

Pada edisi kali ini, lebih 30 petak telah disediakan bagi peniaga tempatan menyertai jualan berkenaan dan telah dilaratkan lagi



MAJLIS Pelancaran Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2024 disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai Tutong (atas dan kiri).

dengan penjualan pelbagai produk kuih-muih serta produk barangan yang lain.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi dan membeli-belah produk kuih-muih dan barangan

yang ada di jualan berkenaan sebagai tanda sokongan kepada produk tempatan serta membantu para peniaga memperoleh pendapatan bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan mengadakan Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2024 bermula 29 Mac hingga 7 April 2024, mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam, bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran acara berkenaan diadakan hari ini yang disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai Tutong, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan memotong reben oleh tetamu



PADA edisi kali ini, lebih 30 petak telah disediakan bagi peniaga tempatan menyertai jualan berkenaan.



جائزہ فراتھن اېکونومي دان سٹاتيسٽيک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI


Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun



PenggunaBijak







PUJA Brunei imarahkan Ramadan dengan Khatam Al-Quran, sumbangan derma

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Ukur, Jurutera dan Arkitek Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mac. - Bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia ini, Persatuan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma kepada 16 anak yatim yang diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria. Juga hadir ialah, Presiden PUJA Brunei, Sr. Awang Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong

Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman.

Acara dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran dipimpin oleh Bilal Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Awang Razman bin Ramlee dan seterusnya penyampaian derma kepada anak-anak yatim terpilih daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan Presiden PUJA Brunei.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Lebih 60 jemputan yang hadir bagi memeriahkan acara tersebut termasuk Ahli-ahli PUJA,



SETIAUSAHA Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran.

para pegawai Kementerian Pembangunan.

Acara diakhiri dengan iftar dan Sembahyang Maghrib Berjemaah.

Acara tersebut diadakan adalah bertujuan untuk memperkasa

hubungan antara masyarakat dan PUJA sangat aktif dalam mengadakan aktiviti dan program untuk ahli-ahlinya dalam dan luar negara.

Acara tahunan ini juga adalah

sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat PUJA sekali gus memberi peluang kepada institusi ini untuk mengimarahkan lagi bulan Ramadan.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA PENUTUP TADARUS

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Penutup Tadarus Al-Quran bagi Tahun 1445H / 2024M dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Kampung Masin dan Bebatik Masin (atas dan atas kanan).

MASIN, Ahad, 31 Mac. - Masjid Kampung Masin dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masin petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Penutup Tadarus Al-Quran bagi Tahun 1445H / 2024M dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Kampung Masin dan Bebatik Masin yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Zainol bin Haji Mohamed.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Yang Berhormat Awang Zainol, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam dan bacaan Takhtim yang dibawakan oleh Imam Masjid Kampung Masin, Awang Haji Md. Zainul Hasramin bin Haji Md. Hassan.

Manakala, Doa Khatam pula dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Masin, Awang Jeffry bin Haji Metassim.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian derma

kepada seramai 35 orang anak-anak yatim dari Kampung Masin dan Kampung Bebatik Masin.

Majlis turut diselenggarakan dengan Ceramah Khas Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh Timbalan Pegawai Turus Inspektorat Agama, Jabatanarah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, 995 Kpt Mohammad Ayra Azrine bin Ayahani.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah, belia dan beliawanis dari Masjid Kampung Masin, Ahli-ahli MPK Masin serta jemaah yang hadir.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN

TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn

Awang Mohammad Noor Fauzan Azizi juara Pertandingan Public Speaking

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Bahasa pagi tadi menganjurkan Pertandingan Public Speaking (Time to Talk!) bagi pelajar program Sarjana Muda Perguruan Ugama dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Tahun 3 bertempat di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Juara pertandingan disandang oleh Awang Mohammad Noor Fauzan Azizi bin Haji Mazne daripada program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dengan tajuk 'Face Your Tests and Challenges With Perseverance'.

Tempat kedua diraih oleh Dayangku Syahirah Hazeqah

binti Pengiran Shahrel Anuar, pelajar program Diploma Tertinggi Perguruan, manakala tempat ketiga dan sagu hati masing-masing disandang oleh Awang Mohammad Hisyammuddin bin Abdullah Azizulzabbar, pelajar program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama, dan Awang Muhammad Aqiel Mustaqeem bin Haji Rosman, pelajar program Sarjana Muda Perguruan Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan juga seterusnya turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Seramai lima peserta menyertai pertandingan berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Momin

RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat majlis dan juga seterusnya turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kanan dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Pengarah Pusat Bahasa KUPU SB, Dayang Nurul Azimah binti Haji Abdul Hamid, selaku Pengerusi, menjelaskan bahawa pertandingan yang dianjurkan buat julung-julung kalinya berkenaan bukan sahaja sekadar satu platform untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi, tetapi juga sebagai wadah bagi para peserta untuk mengekspresikan cinta dan dedikasi mereka terhadap agama Islam dan ajarannya.

Melalui pertandingan berkenaan tambah beliau, para peserta dapat memperkukuh lagi identiti Islam mereka sambil membangunkan kemahiran berucap yang penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Antara objektif utama pertandingan termasuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan keberanian berucap di hadapan orang ramai serta meningkatkan kemampuan peserta dalam menyampaikan mesej yang jelas dan padat.



TAHLIL, DOA SELAMAT SEMPENA HARI KAJICUACA SEDUNIA

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Sembahyang Fardhu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Selamat bersempena dengan Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2024.

BERAKAS, Sabtu, 30 Mac. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Majlis Sembahyang Fardhu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Selamat pada petang ini bersempena dengan Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2024 berlangsung di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

Hari Kajicuaca Sedunia disambut setiap tahun pada 23 Mac bagi memperingati berkuat kuasanya konvensyen Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) pada tahun 1950 di mana Negara Brunei Darussalam merupakan negara ahli badan saintifik dunia ini di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-



Bangsa Bersatu.

Hari yang bersejarah ini juga diraikan bagi menghargai sumbangan-sumbangan penting yang diberikan oleh Perkhidmatan-perkhidmatan Kajicuaca dan Hidrologi Kebangsaan dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia.

Pada tahun ini, tema sambutan Hari Kajicuaca Sedunia ialah 'Di Barisan Hadapan Kepada Tindakan Iklim' atau 'At the Frontline of Climate Action'.

Atur cara majlis tersebut didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Zuhur Berjemaah dan diikuti

dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan Tahlil secara beramai-ramai serta Doa Selamat.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Kajicuaca selaku Pengerusi Majlis, ketua-ketua eksekutif, pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

SEBAHAGIAN yang hadir majlis berkenaan.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KHEU teruskan Tadarus Al-Quran ke Masjid Kampung Puni

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Azmah Haji Ahad



TEMBURONG, Sabtu, 30 Mac. - Bulan Ramadan Al-Mubarak menjanjikan ganjaran pahala berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan oleh setiap umat Islam.

Di dalam bulan Ramadan, terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda itu turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Rombongan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) turut merebut kebaikan dan pahala yang berganda pada bulan Ramadan ini dengan



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus di Masjid Kampung Puni (atas). Sementara gambar atas kiri, Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Matussien bin Haji Jumat.

mengadakan Majlis Tadarus di Masjid Kampung Puni, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran oleh Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr.

Haji Matussien bin Haji Jumat.

Acara diteruskan dengan Tadarus Al-Quran, disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan Tadarus para pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan mengunjungi Masjid Az-Zakireen Meragang dengan Majlis Khatam pada Rabu, 3 April 2024, jam 5.00 petang.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN PEKERTI



ISTERI Pesuruhjaya Polis selaku Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Zaayah binti Pengiran Haji Sulaiman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Surau Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Ahad, 31 Mac. - Seramai 40 Ahli Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Surau Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong. Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah isteri Pesuruhjaya Polis selaku Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin

Hajah Zaayah binti Pengiran Haji Sulaiman. Turut hadir, Pengerusi PEKERTI, Datin Sabrina binti Abdullah Chong; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI dan ahli-ahli daripada ketujuh-tujuh cawangan PEKERTI.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Penutup bagi memberkati majlis.

Aktiviti keagamaan pada bulan Ramadan itu bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara semua Ahli PEKERTI di samping menggalakkan pembacaan Al-Quran, terutamanya dalam bulan yang mulia ini.

30 anak yatim terima sumbangan



BENGKEL Pengurusan Jenazah anjuran Ar-Razaq Kifayah Management yang berlangsung di Memorea, The Walk Beribi Central.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mac. - Agama Islam menggalakkan kita untuk sentiasa mengambil berat terhadap golongan anak-anak yatim. Perhatian yang diperlukan kepada mereka bukan setakat keperluan hidup untuk di dunia semata-mata tetapi juga hubungan masa depan kehidupan mereka di akhirat. Sehubungan itu, Baiti Baitul Quran dengan kerjasama Al-Huffaz

Management mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan bagi Anak-anak Yatim dan Bengkel Pengurusan Jenazah anjuran Ar-Razaq Kifayah Management yang berlangsung di Memorea, The Walk Beribi Central, di sini.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan kepada 30 orang anak yatim.

Dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat, majlis diadakan untuk memberikan sumbangan kepada anak-anak yatim bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti. Majlis juga diharap dapat memberikan kegembiraan kepada anak-anak yatim dan sekali gus membantu meringankan beban keluarga mereka.

Terdahulu, sebelum itu diadakan Bengkel Pengurusan Jenazah dikendalikan oleh dua penggapai



PENGASAS dan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan semasa menyerahkan sumbangan kepada penerima.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

iaitu Awang Asmady bin Haji Ahmad dan Awangku Ahmad Fathurrahman Nur Firdaus bin Pengiran Haji Hassanudin dengan kerjasama ahli jawatankuasa dan para sukarelawan terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Islam

Sultan Sharif Ali (UNISSA). Bengkel tersebut diadakan bagi menambahkan lagi ilmu pengetahuan tentang tatacara pengurusan dan penyempurnaan jenazah secara teori dan praktikal.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



SEMARAKKAN AMALAN SECARA BERJEMAAH PADA BULAN RAMADAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Nadi al-Qawi al-Amin di bawah pengendalian Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan dengan kerjasama Belia Imtiyaz Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan Program Nur Ramadan 1.0 : Belia Mardhatillah bertempat di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A'.

Program yang berjalan selama tiga hari bermula Jumaat, 29 Mac hingga Ahad, 31 Mac 2024 ini disertai oleh seramai 43 belia antara umur 15 ke 21 tahun diketuai oleh Dekan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan KUPU SB, Profesor Madya Dr. Md. Shahril bin Ahmad Razimi selaku Penasihat Nadi al-Qawi al-Amin KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat

KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan semasa menganjurkan Program Nur Ramadan 1.0 : Belia Mardhatillah bertempat di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A' (kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

dalam majlis perasmian program ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani. Program yang dianjurkan bermatlamat kepada memberi pendedahan dan kesedaran tentang kepentingan menghidupkan bulan Ramadan dan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

Selain itu, ia diharapkan dapat mewujudkan suasana kemesraan



beramal ibadah dalam kalangan warga KUPU SB dan belia masjid serta masyarakat kampung demi menyemarakkan lagi amalan secara berjemaah dengan seimbang dalam mengendalikan urusan duniawi dan ukhrawi.

Antara pengisian dalam program berkenaan termasuk Qiyamul Lail Fardhi, sahur dan sungkai Jama'ie, Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah dan Tadarus, Ceramah Motivasi dan sesi perkongsian, Bengkel Fardu Kifayah (Pengurusan Jenazah), aktiviti bedah Movie dan aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran masjid dan sumbangan Ramadan KUPU SB.



PSW anjur Program Santunan Kasih



■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

TEMBURONG, Sabtu, 30 Mac. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) mengadakan Program Santunan Kasih yang berlangsung

di Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong, baru-baru ini.

Program anjuran PSW dengan kerjasama mantan ketua kampung dan keluarga Dayang Hajah

PERSATUAN Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) mengadakan Program Santunan Kasih yang berlangsung di Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong.

Donnaliza binti Abdullah Puasa ini dihadiri seramai 100 jemaah termasuk 30 keluarga yang berkeperluan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai dan diakhiri dengan berbuka puasa serta menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Program ini bertujuan untuk membina semangat kepedulian dan solidariti dalam komuniti terutamanya semasa bulan Ramadan yang mulia ini.

Program ini merupakan acara-acara berbuka puasa anjuran PSW yang diadakan di masjid-masjid, surau atau balai ibadat yang terpilih sepanjang bulan Ramadan. Ia diharapkan akan



memeriahkan bulan Ramadan dengan lebih mendalam, sekali silaturahim.

KHATAM AL-QURAN ERATKAN LAGI HUBUNGAN UKHUWAH

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mac. - Perpaduan yang dipupuk dalam kehidupan sesama kampung setentunya membentuk suasana yang harmoni di samping kepimpinan yang baik sehingga menjadikan anak buah dan kampung aman serta damai.

Masjid Kampung Pintu Malim yang hampir 30 tahun mengendalikan seperti Majlis

Tahlil Sekampung menunjukkan satu kemufakatan sesama mereka sehingga berjaya mengukuhkan apa jua aktiviti keagamaan dan sebagainya antaranya Majlis Khatam Al-Quran yang saban tahun diadakan di masjid berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Takmir masjid tersebut bersyukur kerana dapat mengendalikan Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil

Arwah Sekampung sama-sama mengimarahkan Ramadan Al-Karim, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah penaung masjid tersebut, Pengarah Haji Kilali bin Haji Abdul Rahman yang juga seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim. Seramai tujuh anak yatim dan empat Orang Kurang Upaya (OKU) menerima sumbangan derma pada majlis berkenaan di sini.

Terdahulu, bacaan surah-surah lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas dipimpin oleh Bilal Masjid Pintu Malim, Awang Ahmad Syarkawi bin Mardy yang juga membacakan Doa Khatam. Manakala Takhtim pula dipimpin oleh Imam masjid, Awang Norijal bin Sisa yang juga memimpin Doa Tahlil.

Sementara bacaan Tahlil dikepalai oleh Ketua Imam Masjid Pintu Malim, Pengiran Mohammad Syukri bin Pengiran Haji Sulaiman dan kemudiannya



PENAUNG Masjid Kampung Pintu Malim, Pengarah Haji Kilali bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada penerima (bawah kiri dan atas).

memimpin Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Seterusnya, Pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pintu Malim menyemarakkan majlis dengan Persembahan Dikir Marhaban.

Majlis diakhiri dengan meraikan anak-anak yatim dan para jemputan

dengan acara berbuka puasa diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. Seterusnya, Awang Ahmad Syarkawi berkata bahawa acara seumpama ini wajar diteruskan dalam mengukuh eratkan lagi ukhuwah sesama penduduk sekali gus memupuk untuk sentiasa rajin ke masjid.

Zahirkan sikap pemedulian, bantu golongan yang memerlukan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Aimi Sani, Ihsan Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar al-Syarif Brunei Darussalam



GADONG, Ahad, 31 Mac. - Ramadan bulan yang mulia, penuh dengan limpah barakah berbeza dari bulan-bulan lain. Ramadan juga adalah bulan tarbiah yang mendidik hawa nafsu untuk memahami makna sebenar kehidupan. Dalam Islam, umatnya perlu memahami bahawa kehidupan sesama Muslim ini adalah bersaudara saling menguatkan antara satu sama lain.

Ibadah bulan Ramadan ini tidak hanya mendidik untuk kita menghayati kesengsaraan hidup golongan yang susah dengan merasakan lapar dan dahaga, bahkan menggalakkan kita untuk bersedekah. Oleh yang demikian, kita dapati Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah insan yang paling dermawan pada

bulan Ramadan. Sebagai umat baginda jejak didikan mulia ini perlu kita ikuti dan aplikasikan.

Di samping ingin meraih kelebihan ganjaran kebaikan bagi yang memberi, bersedekah juga sangat dianjurkan kerana ia akan menzahirkan rasa kasih sayang sesama saudara seagama sekalipun berlainan taraf kehidupan. Sehubungan itu, Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar al-Syarif Brunei Darussalam turut menjadikan aktiviti berkebajikan ini sebagai aktiviti tahunan dan telah berlangsung pagi tadi.

Program yang dinamakan Khayrat Azhari ini menyasarkan golongan mualaf yang memerlukan bantuan serta golongan fakir miskin di keempat-empat daerah. Aktiviti

dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah serta ucapan oleh Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar al-Syarif Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Program Khayrat Azhari merupakan program yang bertujuan untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan di samping menzahirkan sikap pemedulian warga Rabitah kepada pembangunan ummah. Penyerahan sumbangan pagi tadi diadakan secara serentak di kesemua daerah yang disertai oleh Jawatankuasa Eksekutif Rabitah dan para belia daripada Ahli Rabitah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, sumbangan kepada 15 buah

keluarga telah disampaikan oleh Ra'es Jawatankuasa Eksekutif Rabitah, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Bendahari Agung Rabitah, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop dan Timbalan Setiausaha I Rabitah, Awang Haji Aziman bin Haji Zaman.

Sementara itu, bagi Daerah Temburong sumbangan kepada lima penerima telah disampaikan oleh Naib Ra'es II Rabitah, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad. Manakala bagi Daerah Tutong sumbangan kepada lima penerima disampaikan oleh Setiausaha Agung Rabitah, Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman. Bagi Daerah Belait pula sumbangan kepada lima penerima

telah pun disampaikan oleh Timbalan Setiausaha II Rabitah, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Program ini dihasratkan mampu meringankan beban golongan kurang berkemampuan agar dapat menjalani ibadah puasa dengan penuh rasa syukur dan bertujuan bagi sama-sama membantu pihak kerajaan untuk menghulurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

Di samping dapat menjadi suatu keceriaan bagi golongan yang disasarkan, sumbangan itu juga dihasratkan supaya akan dapat menampung perbelanjaan dalam sama-sama menyambut hari kemenangan umat Islam pada 1 Syawal nanti.



RA'ES Jawatankuasa Eksekutif Rabitah, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Bendahari Agung Rabitah, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop dan Timbalan Setiausaha I Rabitah, Awang Haji Aziman bin Haji Zaman semasa hadir dan seterusnya menyampaikan sumbangan bagi Daerah Brunei dan Muara (atas dan kiri).

**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI****1. Bilangan Rujukan:**JBBSB / SH / 2024-2025 / 02 /
BKB / 01**Tajuk Sebut harga:**

Pembekalan dan Menghantar
Pakaian Seragam Uniform Untuk
Kakitangan Buruh dan Pemandu
Bahagian Khidmat Bantu dan
Bahagian Pemuliharaan Dan
Kenderaan, Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

2. Bilangan Rujukan:JBBSB / SH / 2024-2025 / 03 /
BKB / 02**Tajuk Sebut harga:**

Membekal dan Menghantar
Sepuluh (10) Unit "Blower" Untuk
Kakitangan Bahagian Khidmat
Bantu, Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

3. Bilangan Rujukan:JBBSB / SH / 2024-2025 / 04 /
BKB / 03**Tajuk Sebut harga:**

Membekal dan Menghantar
Sepuluh (10) Unit Mesin
Memotong Rumput Jenis
Bersikut Untuk Kakitangan
Bahagian Khidmat Bantu, Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan

4. Bilangan Rujukan:JBBSB / SH / 2024-2025 / 05 /
BKB / 04**Tajuk Sebut harga:**

Tawaran Kontrak Dua (2) Tahun
Bagi Penyelenggaraan Dan
Pembersihan Kolam Air Berhias
Di :

- Tugu Cendera Kenangan
Di Taman Sultan Omar
Ali Saifuddin
- Mercu Dirgahayu 60
Di Jalan Mc Arthur,
Bandar Seri Begawan

Hari Tarikh dan Jam Tutup:

Khamis, 4 April 2024
Jam 12.00 Tengah Hari

Keterangan Lanjut Boleh**Diperoleh Dari:**

Seksyen Bengkel, Bahagian
Pemuliharaan Dan Kenderaan,
Depot Jabatan Bandaran,
Kampung Belimbing Subok,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI****Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik****Bilangan Tawaran:**

JPE / LTK / PSP / 035 / 2023

Tajuk Tawaran:

Menaiktaraf 11kv 1250a Metalclad
Switchgear Dan Pembinaan
Bangunan Baharu Stesen
Elektrik Utama
Spg. Penanjong Dan Serampang
Light Industry, Tutong

Tarikh Tutup :

Selasa
23 April 2024,
jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen :

BND500.00 Tidak dikembalikan

Tempat Tutup :

'Tender Box'
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan Kelas :

Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas III, IV,
atau V Sahaja, Dalam Kategori
E02 & E03 dan (mempunyai
pekerja yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03).

Kategori :

E03

Mempunyai pekerja mahir
dan terlatih bagi kerja-kerja di
atas menara dan memiliki sijil
berkelayakan "Safety Rules (SR)",
"Working At Height (WAH)" &
"Contractor Safety Awareness
(CSA)" yang sah.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut bolehlah
diperoleh dari **Unit Tawaran dan
Sebut harga, Tingkat 4, Ibu
Pejabat Jabatan Perkhidmatan
Elektrik, Jabatan Tenaga,
Jabatan Perdana Menteri.**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI****Bilangan Sebut harga:**

KHEDN / 66 / 1.0 / 1-2023

Tajuk Sebut harga:

Pembekalan Cenderamata Berupa
Barangan Anak Damit Bagi Majlis
Kesyukuran Dan Penyampaian
Cenderamata Kepada Anak-Anak
Damit Yang Lahir 15 Julai 2024
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam
Yang Ke-78 Tahun
Bagi Tahun 2024

Tarikh Buka:

Rabu,
17 April 2024

Tarikh Tutup :

Rabu,
1 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

Tarikh Akhir Mengambil**Dokumen Tawaran :**

Isnin,
29 April 2024

Jenis Tawaran / Sebut harga:

Secara Terbuka

Tempat Menghantar**Sebut harga:**

Peti Kotak Sebut harga,
Aras Bawah,
Bangunan Kementerian Hal
Ehwal Dalam Negeri,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam

Tempoh Sah laku Sebut harga:

Dua (2) Bulan

Tempoh Pembekalan:

Satu (1) Minggu
Setelah Lantikan Syarikat

Yuran Penyertaan:

BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Dalam

Kelas :

Terbuka

Kategori :

Terbuka

Tarikh Akhir Mengambil**Dokumen Tawaran :**

Sabtu,
6 April 2024

Tarikh Tutup :

Selasa,
9 April 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:

KHEDN / LTK / 2024-03

Nama Projek:

Kontrak Penggal Bagi Penyewaan
Dan Pemasangan Khemah-
Khemah Dan Kelengkapan Serta
Perhiasan Di Ke Empat Daerah
Sempena Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Bilangan Projek:

KHEDN / BPE / B01303-05

Yuran Tawaran :

BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan
Bagi Sekolah Ugama
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Daerah Brunei Dan Muara**No Tawaran :**

KHEU / JPI / KANTIN / 21 / 06

Nama Sekolah Ugama :
SEKOLAH UGAMA LAMBAK,
JALAN BEDIL,
KAWASAN BRUNEI IIA

No Tawaran :

KHEU / JPI / KANTIN / 19 / 06

**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA****Bilangan Sebut Harga:**

KHEU / ITQ / T / B00405(24-26) -
LANDSCAPING

Term Contract (24 Months) For
Maintenance Of Landscaping
And Grasscutting Works
To Institut Tahfiz Al-Quran
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Building Compound,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :

Rabu, 13 Zulkaedah 1445H /
22 Mei 2024,
tidak lewat jam 2.00 Petang

Kelas:

I & II

Kategori:

SO3 & KPB12

Tempat Menghantar:

Peti Kotak Sebut harga
Tingkat 1 Bahagian Kewangan
Bangunan Ibu Pejabat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam



Nama Sekolah Ugama :
SEKOLAH UGAMA SUNGAI
BESAR, KAWASAN BRUNEI IIB

Bayaran :

BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Memuat Naik :

Selasa, 7 Syawal 1445H /
16 April 2024M.

Tarikh Akhir Menghantar :

Rabu, 8 Syawal 1445H /
17 April 2024M
sebelum Jam 2.00 Petang.





Bilangan Rujukan

Dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / RC / 111 (6)
Leasing of Staff Cars To The
Ministry Of Defence
– Five (5) Years Contract
With An Option Of
Two (2) Years Extension

Yuran Tawaran :

BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
1 minggu sebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu Isnin, 19 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa
7 Mei 2024
2.00 Petang

Tarikh Information Day :

17 April 2024
(tertakluk kepada
sebarang perubahan)



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(I) /
2023-2024

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'I'

1. Sekolah Ugama Sengkarai
2. Sekolah Ugama Kiudang
3. Sekolah Ugama Lamunin
4. Sekolah Ugama Tumpuan Telisai
5. Sekolah Ugama PAP Norain
6. Sekolah Ugama Penanjong
7. Sekolah Ugama PAP Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kupang)

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(J) /
2023-2024

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'J'



**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Kategori :
E03

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 076 / 2023

Tajuk Tawaran:
Maintenance of Pole Mounted and
Street Lightings Column (10M And
Above) For Sengkuring Area

Tarikh Tutup :

Selasa
23 April 2024,
jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :

Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam



**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut harga :
03 / 2024 / KKBS / PPB / 01

Tajuk Sebut harga :
Pembekalan dan Pemasangan
PA Sistem Di Dewan Bina Diri dan
Surau Utama Pusat Pembangunan
Belia, Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Jalan Utama Tanah Jambu,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut harga :

Khamis
4 April 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Iklan Jawatan Kosong
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Rujukan Iklan:
KUPU SB / PJW / 13-15 / 24-2C

Jawatan :
Penolong Pendaftar

Bahagian :
II

Tangga Gaji :
UB.1 / UB.1 EB.2

Kekosongan Jawatan :
1

Tarikh Tutup Iklan:
6 April 2024



**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah
Rendah Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :
BM / MRS / P012A / P012A/ 0610
/ 08-2023**

**Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / MAL-B /
S006A / 0609 / 08-2023**

Antara

**Kartini bin Murah
- Plaintiff / Pemohon**

Dan

**Ruziman bin Zaini
- Defendan / Responden**

Kepada : Ruziman bin Zaini , No.
Kad Pintar : 00-312965 [kuning],
beralamat [alamat terakhir]:- No.18,

Simpang 135-24-19, STKRJ
Rumah Kembar Gadong.

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan Mahkamah Rendah
Syariah di Daerah Brunei dan
Muara pada Selasa, 7 Syawal
1445H bersamaan 16 April 2024M
pada jam 2.15 petang untuk
menjawab tuntutan terhadap kamu
oleh plaintiff yang dinamakan di atas
bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengar dan
memutuskan kes tanpa kehadiran
kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingin membela diri terhadap
tuntutan tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :

3 Syaaban 1445H /
13 Februari 2024M

Meterai

**Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



TAZKIRAH disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Norhayati binti Haji Abdul Rahman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mac. - Dalam menyambut

REBUT PELUANG GANDAKAN PAHALA DI BULAN RAMADAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

bulan yang mulia, Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) pagi tadi menganjurkan Majlis Ilmu dan Tazkirah Mingguan setiap pagi Ahad mulai Ahad pertama di bulan Ramadan tahun ini di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

Pada minggu ketiga ini, tazkirah bertajuk 'Ramadhan Booster Pahala' telah disampaikan

oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Norhayati binti Haji Abdul Rahman.

Beliau menyampaikan tazkirah yang mendalam mengenai gandaan pahala yang diraih sepanjang Ramadan dan membentangkan antara amalan para Muslimah ke arah kejayaan cemerlang bulan yang penuh barakah ini.

Selepas tazkirah, acara diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas dan Tahlil dipimpin oleh Tenaga Pengajar Al-Quran Bertauliah MUIB, Dayang Nur Haziqah binti Haji Awang Mohd Taha dan sejurus itu menunaikan Solat Fardu Zuhur Berjemaah.

Antara objektif majlis seumpama ini diadakan adalah bagi menyediakan platform bagi ahli Muslimah untuk memperoleh faedah ilmu agama dalam suasana yang penuh keberkatan dan ketenangan; membentuk kesedaran dan kepekaan sosial terhadap keperluan rakyat Palestin di Gaza serta memberi peluang kepada hadirin untuk menyumbang kepada mereka; dan meningkatkan kecemerlangan dan kecerdasan ummah melalui penyampaian tazkirah yang



ANTARA yang hadir pada Majlis Ilmu dan Tazkirah Mingguan setiap pagi Ahad mulai Ahad pertama di bulan Ramadan tahun ini di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

bermakna dan relevan setiap minggu.

Selain mendapat faedah ilmu, hadirin juga diberi peluang untuk menyumbang kepada rakyat Palestin di Gaza melalui tabung yang disediakan pada majlis. Sumbangan akan diserahkan kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza, JAPEM pada 18 April 2024.

Majlis serupa juga akan diadakan setiap Ahad dalam bulan Ramadan dengan tajuk dan penyampai tazkirah yang berbeza setiap minggu.

Semua individu yang berminat dijemput hadir untuk mendapatkan manfaat dari tazkirah yang bermakna ini.

Majlis ini merupakan peluang yang baik untuk memperdalam pemahaman tentang amalan-amalan yang disarankan sepanjang Ramadan serta menambahkan nilai ibadah di bulan yang penuh berkat ini. PSW berharap kehadiran semua ahli dapat menyemarakkan keindahan bulan Ramadan dan menjadi sebab untuk mendapat barakah yang berterusan.



INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.recruitment.gov.bn dan semak "Kalendar Saya"

MWNBD anjur Majlis Khatam Al-Quran

MADANG, Ahad, 31 Mac. - Majlis Bertadarus bagi Ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) di sepanjang bulan Ramadan yang diadakan bermula pada 1 Ramadan 1445H lalu berakhir hari ini dengan Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang. Kira-kira 200 ahli daripada persatuan-persatuan wanita yang bergabung di dalam MWNBD hadir menyertai majlis tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof.

Juga hadir, Naib Yang Dipertua I, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat; Naib Yang Dipertua II, Datin Hajah Masni binti Haji Md. Ali dan Naib Yang Dipertua III, Dayang Hajah Kertini binti OKPSD Abang Haji Abu Hanifah serta Ahli-ahli Lembaga Tadbir MWNBD, Yang Dipertua / Ketua Pesuruhjaya / Pengarah / Wakil Tetap 13 buah persatuan yang bergabung dalam MWNBD.

Majlis bermula dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafriyyah secara beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Dipertua MWNBD.

Kemudian, bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah



MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang.

Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad diketuai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad daripada Persatuan PERTIWI diikuti bacaan Takhtim oleh Dayang Julianawati binti Haji Hamdan daripada Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP), Belait.

Doa Khatam pula dibacakan oleh Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar daripada Persatuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) sementara Doa Tahlil dipimpin oleh Dayang Hajah Saadiah binti Haji Ibrahim daripada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI).

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Ahli-ahli Persatuan WI, PKP dan Persatuan

BAKANITA. Bagi memberkati lagi majlis yang penuh berkebakikan itu, bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani daripada Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Antara lain, majlis berkenaan adalah sebagai salah satu aktiviti tahunan anjuran MWNBD yang diadakan bagi menyemai budaya membaca Al-Quran dalam kalangan ahli-ahli persatuan-persatuan yang bergabung di dalam MWNBD dan mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian untuk memohon keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang mulia ini sambil mengeratkan lagi silaturahmi

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

di antara ahli-ahli daripada 13 persatuan.

Majlis juga bertujuan untuk menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan dan mendekatkan diri dengan Al-Quran dan sama-sama meraih pahala dengan membaca dan mendengar bacaan Al-Quran.

Sebanyak 13 buah persatuan yang bernaung di dalam MWNBD terdiri daripada Persatuan PERTIWI; WI; Badan Kebajikan Isteri Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI); Persatuan Kebajikan Perempuan

(PKP) Daerah Belait; Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPBD); Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB); Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA); Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA); Persatuan Siswazah Wanita (PSW); Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL); Persatuan Wanita Kampung Junjungan (PEWAJA); Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI).

سرورکرمي

ملیقتکنداکن عمل عبادۃ دفعهوجوڭ رمضان

دي مغاجر مأنسي اف یغ تیدق دکتهوین.

جماعه یغ درحمي الله،

مباح القرآن مرفاکن ثونتوتن کفد ستیاف مسلم سفنح ماس سام اد قد بولن رمضان اتوفون بولن-بولن لاین. نامون بولن رمضان سمیعن مقویای کلیستمیوان دان کلیهن ترسندیری افیبل دکایتکن دغن القرآن. این کران بولن رمضان دمویاکن دغن دتورونکن القرآن ددالمن.

افیبل کیت مباح القرآن، کیت اکن منموي برماجم-ماجم جنیس آیه. انتاران آیه-آیه یغ ممافکن قیسه-قیسه اومت تردهولو دغن کای بهاس یغ جوکوڭ مناریق، سفرت قیسه فرجالنن هیدوف نی یوسف عَلَیْهِ السَّلَام، قیسه أصحاب الکهف دان سباکین. افیبل القرآن ممافکن سسواتو قیسه، سوده تنتو ای مقویای عبرة اتو فعاچرنن. فرمان الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ دالم سوره یوسف آیه ۱۱۱:

دمي مسوعکوهن قد قیسه-قیسه مریک ایت تردافت فعاچرن باکی اورغ-اورغ یغ مقویای عقل فیکرن. (القرآن) ایت بوکنله سواتو جریتا یغ دادا-اداکن تنافی ای ممیرکن (کتاب-کتاب) یغ دتورونکن سبلومن دان منحلسکن سکل سسواتو دان سباکی فتونجوق دان رحمة باکی قوم یغ برلمان.

توجوان فمافرن قیسه-قیسه دالم القرآن بوکن سهاج اونتوق معتهوي قیسه-قیسه ترسیوت دسودوت فنجریاتنن سهاج، بهکن توجوان اساسین اداله اونتوق معکمیرکن کفد میندا فمباح-فمباح القرآن مغیای کوتورن شیریک، معصیه دان حکومن الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ ترهاتف مریک یغ ملعکر فرینتهن. دسمیغ ایت ای جوک برتوجوان اونتوق مغایتهکن کفد فرکارا-فرکارا یغ برهویوغ دغن کلیمان، فرتولوغن دان کیرممان الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ ترهاتف همبا-همبان یغ إخالص دان ستروسن مغایتهکن مأنسي کفد کماکین دان فرکارا-فرکارا یغ برلاکو سلفسن.

اولیه ایت، افیبل کیت مباح القرآن دان برغو دغن قیسه-قیسه ترنتتو، مک واجر باکی کیت مرنوغ دان منتدبور آیه-آیه یغ دباح اونتوق ملیهت بنتوق-بنتوق فعاچرن یغ تردافت دالم قیسه ترسیوت.

دغن دمکین باروله القرآن ایت منجادی فتونجوق دان قمییبیغ دالم کهیدوفن ساورغ مسلم. سموک کیت ممهی حقیقه کهیدوفن ملالوي قیسه-قیسه یغ کیت باج ددالم القرآن، دان کیت موهون اکر دماسوفکن دکالغن اورغ-اورغ یغ برجای سفرتیمان کولوغن یغ تله دقیصهکن کجایان مریک ددالم القرآن، آمین یا رَبِّ العالمین.

"سسوعکوهن کامی تله منورونکن القرآن ایت قد مالم لیلۃ القدر. دان تاهوکه اغکاو افاکه مالم لیلۃ القدر ایت؟ مالم لیلۃ القدر ایت لبیه بایک درقد سربو بولن. قد مالم ایت تورون ملائکه-ملائکه دان ملائکه جبریل دغن لایذن توهن مریک اونتوق مغاتور سکل اوروسن. مالم ایت فنوه کسجهزان هیگک تربیت فجر." {سورة القدر آیه: ۱-۵}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

جماعه یغ درحمي الله،

برتقوی له کیت کحضرة الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ دغن مینغکتکن کلیمانن کفدن. مسوعکوهن اورغ یغ قالیغ ملیا دسیسی الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ ایلاله اورغ یغ قالیغ برتقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سننیاس مقایغی الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ براوله کجیان دان کسلامن ددنیا دان جوک داخیره.

جماعه یغ درحمي الله،

الحمد لله کیت تله منجالی عبادۃ قواس دوا فر تیک دری بولن رمضان، دان کیت اکن برادا دسقولوه مالم تراخیر بولن رمضان یغ ملیا این. سفرتی یغ کیت کتهوي، دالم بولن رمضان این تردافت ددالمن ساتو مالم یغ مقویای کیرکن دان کلیهن دری سربو بولن، لبیه-لبیه لاکی دسقولوه مالم تراخیر این یایت لیلۃ القدر. سباکی اومت اسلام کیت هنلقله ملیقتکنداکن لاکی اوسها کیت اونتوق مربوت کلیهن مالم ترسیوت دغن مغرجاکن عمل عبادۃ سباکی موغکین.

لیلۃ القدر مرفاکن ساتو مالم یغ قالیغ اوتام داننارا مالم-مالم یغ لاین. مالم دمان الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ مغامقونکن دوسا-دوسا باکی مریک یغ برعبادۃ دغن فنوه کإخالصن سرت معهارفکن کریضان الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ.

باقی روایۃ یغ مغاتکن بهاوا لیلۃ القدر برلاکو قد سقولوه مالم تراخیر بولن رمضان. بسر کموعکینن ای برلاکو قد مالم یغ برأغکا کنجیل، یایت مالم ۲۱، ۲۲، ۲۳، ۲۴، ۲۵، ۲۶، ۲۷ اتو مالم ۲۹، این اداله برداسرکن درقد روایۃ ابو سعید الخدری رَضِیَ اللهُ عَنْهُ رسول الله صَلَّی اللهُ عَلَیْهِوَسَلَّمَ برسیدا: فَالْتَمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ، وَالْتَمِسُوهَا فِي كُلِّ وَتْرٍ.

مقصودن:

مک کامو جاریلۃ لیلۃ القدر ایت قد سقولوه تراخیر (بولن رمضان) دان جاریلۃ ای قد تیاف-تیاف مالم یغ کنجیل. {حدیث روایۃ إمام البخاری}

اولیه ایت، ربوتله قلوغ کامسان این دغن ممقربایکنن سمیغ-سمیغ سنۃ، مباح القرآن، برذکر دان بردعاء باکی موهون کامقونن کفد الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ ایتس سکل دوسا یغ تله دلاکوکن.

جماعه یغ درحمي الله،

رمضان اداله بولن ایستیموا کران کنجارتن فهلا ملاکوکن عمل عبادۃ قد بولن این اکن دلیقتکنداکن. بولن رمضان منجادی لبیه ایستیموا کران ددالمن تله برلاکو ساله ساتو فریستیا یغ قالیغ برسجاره دالم کالغن اومت اسلام یایت تورونن القرآن کفد یکندا رسول الله صَلَّی اللهُ عَلَیْهِوَسَلَّمَ.

فریستیا این دکنلی سباکی "نزول القرآن" یغ تله برلاکو قد ۱۷ رمضان. فنورونن این برلاکو دغن توجوان اونتوق مموقتیکن کاکوغن الله سُبحَانَهُوَعَالِیُّهُ القرآن مرفاکن ساله ساتو معجزۃ اکوغ یغ دبریکن کفد رسول الله صَلَّی اللهُ عَلَیْهِوَسَلَّمَ. القرآن دتورونکن کفد رسول الله صَلَّی اللهُ عَلَیْهِوَسَلَّمَ سجارا برانسور-انسور ملالوي قرانناران ملائکه جبریل عَلَیْهِ السَّلَام سلاما ۲۳ تاهون یایت ۱۳ تاهون دتورونکن دمکه دان ۱۰ تاهون دمیدنه. آیه یغ مولا-مولا سکالی دتورونکن اداله لیما آیه درقد سورة العلق:

باجله (واهی نی محمد) دغن (مبوت) نام توهنمو یغ منجیقتاکن (سکالین مخلوق). دی تله منجیقتاکن مأنسي درقد سکومفل داره بکو. باجله، دان توهنمو مها فموره. یغ مغاجر (مأنسي منولیس) دغن قلم (قینا).



BANK Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan kumpulan anak-anak syarikatnya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai salah satu acara tahunan dan bagi menggalakkan pegawai dan kakitangannya meraih ganjaran pahala sepanjang bulan kemuliaan ini. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman. Dengan majlis itu berakhirlah Acara Tadarus Al-Quran yang mengimarahkan malam-malam Ramadan di Istana Nurul Iman yang dikelola oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diimarahkan dengan 800 penyertaan. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

SEBAHAGIAN daripada Ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) bersama 13 buah persatuan yang bergabung menyertai Majlis Tadarus sempena bulan Ramadan Tahun 1445H / 2024M. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN daripada yang hadir mengambil makanan pada acara bersungai yang merupakan dedikasi The Lanes Hotel untuk bersama-sama merayakan bersama masyarakat khususnya anak-anak berkeperluan khas. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SEORANG ahli rombongan yang ditugaskan dalam aktiviti MoH Prihatin mengangkat barang keperluan asasi untuk diserahkan kepada penerima yang terdiri daripada pesakit dan keluarga yang berdaftar di bawah Perkhidmatan Kebajikan Perubatan (Medical Social Worker Services) yang telah dikenal pasti. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



UNISSA ANJUR PROGRAM FASTABIQUL KHAIRAT



BADRU Pelajar Usuluddin (BADRU) Sesi Pengajian 2023 / 2024, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menganjurkan Program Fastabiqul Khairat (atas, bawah kiri dan bawah kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac. - Badan Pelajar Usuluddin (BADRU) Sesi Pengajian 2023 / 2024, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan Program Fastabiqul Khairat, baru-baru ini.

Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Usbu' Tabarru di mana seramai 11 orang pensyarah dan 37 pelajar UNISSA terdiri daripada 28 Ahli BADRU Sesi 2023 / 2024 dan sembilan sukarelawan yang terlibat dalam menjayakan program

tersebut. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penolong Rektor, UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Ketua Unit Keugamaan dan Kerohanian, BADRU, Sesi Pengajian 2023 / 2024, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Mon'am Mubarak bin Haji Saharuddin diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Unit Akademik dan Kepimpinan, BADRU Sesi Pengajian 2023 / 2024, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Nur Haswira bin Haji Salleh yang juga selaku Pengerusi Majlis.

Program dilanjutkan lagi dengan majlis perasmian bagi Program Fastabiqul Khairat yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Sebanyak 14 buah keluarga khususnya para mualaf yang tinggal di Ulu Tutong telah menerima sumbangan iaitu tiga buah keluarga di Kampung Benutan dan seramai tiga buah keluarga di Kampung Rambai manakala sebuah keluarga



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

menerima sumbangan di Kampung Bang Dalam.

Antara tujuan program adalah untuk menjalinkan hubungan silaturahim dan mengukuhkan lagi hubungan ukhuwah sekali gus memupuk sifat keprihatinan di antara warga UNISSA dengan

masyarakat awam umumnya sesama para mualaf khususnya, serta menyumbang dana kepada golongan yang memerlukan daripada kalangan mualaf. Program diakhiri dengan tasbeeh kafarah dan bacaan Surah Al-'Asr dan diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Menghayati Ramadan, tingkatkan amal kebajikan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BERIBI, Sabtu, 30 Mac. - Bersempena dengan bulan Ramadan 1445 Hijrah, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Pengakap Kelana (Rover Scouts Section) bersama Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan Sesi 2021 / 2025 dengan kerjasama Bahagian Media & IT Team PPNBD mengendalikan projek berkebajikan yang dinamakan sebagai Kasih Busana Ramadan 2024 iaitu projek bagi mengumpulkan dan mengagihkan pakaian raya bagi menyambut Hari Raya pada tahun ini.

Matlamat projek ini adalah bagi mengumpulkan dan mengagihkan pakaian raya terpakai bagi menyambut Hari Raya pada tahun ini untuk golongan yang memerlukan. Projek ini adalah

berkonsepkan seperti membeli-belah pakaian secara percuma.

Pengumpulan barangan terpakai merupakan hasil kutipan daripada ahli pengakap dan orang awam yang telah diadakan pada 21 hingga 23 Mac 2024 bertempat di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Pengakap, Beribi.

Pengagihan barangan terpakai telah bermula pada 29 hingga 31 Mac ini. Program yang julung kali diadakan ini bertujuan bagi menggalakkan masyarakat khususnya ahli-ahli pengakap serta orang awam di negara ini untuk lebih menghayati bulan Ramadan kali ini sebagai peluang untuk meningkatkan amal kebajikan dengan membantu golongan yang memerlukan.

Program yang akan dijalankan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat

dan juga menjadi satu inisiatif bagi mengimarahkan bulan yang mulia ini dengan mengadakan projek yang berbentuk berkebajikan.

Majlis Perasmian Program Kasih Busana Ramadan 2024 telah disempurnakan oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin; Ahli-ahli Majlis Pesuruhjaya serta Ahli-ahli Pengakap Kelana.

MAJLIS Perasmian Program Kasih Busana Ramadan 2024 disempurnakan oleh Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas.



UNISSA SEMARAKKAN RAMADAN DENGAN ACARA KEAGAMAAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMANGKU Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Penutup Tadarus, Iftar Jama'ie (Berbuka Puasa) dan Penyampaian Derma Anak Yatim Warga UNISSA di Dewan Ar-Rayyan, Kampus Sinaut UNISSA (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

TUTONG, Sabtu, 30 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Keagamaan dan Takmir Surau, Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Penutup Tadarus, Iftar Jama'ie (Berbuka Puasa) dan Penyampaian Derma Anak Yatim Warga UNISSA, petang tadi, bertempat di Dewan Ar-Rayyan, Kampus Sinaut UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Turut hadir ialah penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi yang menetap di Kolej Kediaman UNISSA.

Pada majlis berkenaan, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad.

Kemudian bacaan Takhtim dan Doa Khatam dibacakan oleh Awang

Muhammad Dzulkhairi bin Haji Ibrahim, mahasiswa dari Fakulti Usuluddin.

Acara seterusnya diserikan lagi dengan bacaan Dikir Marhaban dan penyampaian sumbangan derma kepada seramai 53 anak yatim warga UNISSA yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Manakala enam warga Kampung Sinaut menerima sumbangan Program Muttaqin Ramadan anjuran Fakulti Pertanian.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai amalan bersedekah serta bertimbang rasa dan prihatin terhadap golongan yang memerlukan bantuan.

Majlis kemudian diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada seramai enam warga UNISSA yang akan melaksanakan ibadah haji pada tahun ini dan juga penyerahan wakaf sebanyak 50 unit mashaf UNISSA untuk kegunaan Masjid Kampung Sinaut yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Turut menyerikan majlis ialah

tazkirah khas bertemakan 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Antara yang dikongsikan dalam tazkirah berkenaan ialah Ramadan mengajar kita untuk sentiasa meningkatkan keimanan melalui ibadah soleh dan meninggalkan nafsu syahwat terutama yang berkaitan dengan perkara mungkar. Ramadan juga tambahnya, dikatakan sebagai pendidik untuk kita menjadi lebih tegas, berdisiplin dan sabar dalam berhadapan dengan sebarang ujian sepanjang puasa berlangsung dan mendekatkan kita untuk sentiasa mengingati Allah.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Iftar Jama'ie (Berbuka Puasa).

Majlis adalah kesinambungan daripada Majlis Tadarus Al-Quran yang berjalan sepanjang bulan Ramadan selepas Sembahyang Fardu Zuhur yang melibatkan tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan

mahasiswi UNISSA.

Ia bertujuan untuk memberi dorongan kepada warga UNISSA untuk melazimkan pembacaan Al-Quran di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama warga UNISSA.



15 terima sumbangan derma



PENYERAHAN sumbangan tersebut disempurnakan oleh Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail (kiri dan kanan).

diteruskan dengan bacaan Tahliil dan Doa Arwah dipimpin oleh Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Awang Muhammad Nurkhairi bin Haji Abdul Mustafa. Majlis tersebut diakhiri dengan jamuan berbuka puasa.

Sumbangan berupa wang ringgit dan barangan makanan adalah merupakan hasil kutipan derma daripada Ahli-ahli BW MPK Sengkurong 'B' dan keluarga masing-masing, sebagai satu cara untuk berbagi kebahagiaan dengan mereka yang memerlukan.

Ia juga diharap dapat mendidik setiap ahli supaya sentiasa menyumbang dan menginfakkan harta mereka untuk membantu meringankan kesusahan saudara-



saudara mereka yang seagama, sebangsa dan senegara.

Terdahulu, seramai lebih 60 Ahli-ahli BW MPK Sengkurong 'B' yang menamatkan bacaan Tadarus pada bulan Ramadan diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran di dewan yang sama.

Aktiviti bertadarus merupakan aktiviti kelaziman BW setiap menjelang Ramadan, antaranya bertujuan untuk membudayakan Ahli-ahli BW hidup beragama

serta menanamkan rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran serta tadarus secara berkumpulan atau persendirian demi meraih keberkatan dan syafaat Al-Quran.

Turut hadir, Pengerusi BW MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SENGKURONG, Sabtu, 30 Mac. - Seramai 15 penerima terdiri daripada mereka yang memerlukan bantuan dari Kampung Sengkurong 'B' telah menerima sumbangan derma dalam sebuah majlis anjuran Biro Wanita (BW) Majlis Perundingan Kampung (MPK)

Sengkurong 'B' yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, di sini.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail. Atur cara



Komited memperkasa pendidikan para pelajar

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Teachmeguru

BELIA Berwawasan kali ini menampilkan seorang belia dan Pengasas Kelas Tuisyen, Teachmeguru, iaitu Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusuf, berumur 34 tahun, dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda dari University Keele, United Kingdom.

Beliau merupakan penerima beberapa anugerah termasuk Anugerah Pemimpin Muda Belia 2018, Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia 2018, Anugerah Usahawan Harapan BICTA pada tahun 2017, Anugerah Pengusahawan Harapan LiveWIRE, Anugerah Usahawan Belia UTB dan Anugerah ASEAN-Korea Start-up Week 2023.

Teachmeguru

Teachmeguru mempunyai misi yang sangat komited untuk menerajui masa depan penyampaian pendidikan di seluruh pelusuk Negara Brunei Darussalam. Dengan dedikasi yang tidak berbelah bahagi dan kepercayaan mendalam bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam memupuk tenaga kerja mahir dan membentuk hari esok yang sejahtera. Bermula dengan hanya seorang murid, Teachmeguru, kini semakin berkembang dengan jumlah peningkatan pelajar kepada lebih 1,000 orang sejak ia mula ditubuhkan pada 31 Oktober 2015.

Teachmeguru telah diberi kepercayaan daripada beberapa organisasi antarabangsa dalam memperkenalkan persaingan antarabangsa, antaranya Malaysia, Amerika Syarikat, Jerman dan banyak lagi. Pertandingan antarabangsa yang telah berjaya dibuat di Negara Brunei Darussalam adalah Kangaroo Mathematics Competition, Kancil Science Competition dan Beaver Computational Thinking Competition pada 2023. Dalam pada itu, Teachmeguru juga menyediakan perkhidmatan tuisyen berkumpulan, satu lawan satu dan secara langsung dalam talian untuk pembelajaran yang fleksibel dan secara individu. Di samping itu, Teachmeguru juga menyediakan tuisyen secara berkumpulan bagi pelajar sekolah rendah dan menengah dalam memupuk persekitaran pembelajaran kolaboratif yang memperkasakan untuk cemerlang dalam akademi para pelajar.

Selain itu, perkhidmatan tuisyen yang berdedikasi mengkhususkan dalam pengajaran individu, disesuaikan untuk meningkatkan prestasi akademik. Para tenaga pengajar Teachmeguru yang berpengalaman menawarkan bimbingan secara peribadi, dengan tekun memenuhi keperluan dan aspirasi unik setiap pelajar ke arah kecemerlangan yang tiada tandingannya. Antara faedah yang menggunakan perkhidmatan tuisyen di Teachmeguru ialah perhatian secara individual untuk keperluan pelajar yang unik. Selain itu, menghargai pengalaman positif untuk pelajar sebagai keutamaan dan menanam keyakinan kepada pelajar untuk menyediakan mereka dalam menghadapi peperiksaan.

Aplikasi Pandai Brunei

Teachmeguru juga memperkenalkan aplikasi Pandai

Brunei yang menawarkan mata pelajaran dan alat yang disesuaikan untuk kecemerlangan dalam akademik. Aplikasi Pandai Brunei membantu para pelajar mencapai kecemerlangan akademik dan mencapai tahap yang luar biasa. Dengan akses percuma penggunaan aplikasi ini membantu para pelajar menikmati faedah atau tuisyen dalam talian secara interaktif dan efisien bermula dari rumah.

Sememangnya negara amat menghargai usaha belia seperti Awangku Abdul Azim yang bersungguh-sungguh mencemerlangkan prestasi pendidikan anak Brunei melalui inisiatif kelas tuisyen. Semoga usaha seperti ini dapat memberikan inspirasi kepada belia di luar sana untuk menabur khidmat bakti kepada masyarakat dengan keupayaan yang mereka ada.



Jabatan Penerangan :

Teguh bertapak menyantuni masyarakat

Rencana : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

JABATAN Penerangan kini mencecah usia 72 tahun dan sejak penubuhannya, pelbagai perkembangan dan kemajuan telah dicapai dalam usahanya membudayakan masyarakat bermaklumat.

Di samping itu, jabatan itu menggalas tanggungjawab sebagai peneraju dalam pembarigaan maklumat rasmi berteraskan Melayu Islam Beraja yang sahih, berkualiti, cepat, tepat dan berwibawa untuk menyerlahkan imej raja dan negara bagi mendukung Wawasan Brunei 2035, melalui pemerkasaan penyebaran maklumat rasmi ke arah mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara.

Jabatan itu juga tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan Revolusi Industri keempat dalam usahanya untuk membarigakan dasar, program dan aktiviti kerajaan dengan memperkenalkan dan menggunakan media sosial terdiri daripada seperti Facebook, Instagram dan Twitter di samping aplikasi mudah alih telefon bimbit, InfoDept.BN dan We ASEAN.

Di samping itu, Jabatan Penerangan juga berperanan besar di dalam membudayakan masyarakat bermaklumat yang relevan

dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk membarigakan maklumat yang ada dengan betul dan sahih serta boleh dipercayai. Justeru, dalam menghadapi era globalisasi di mana segala maklumat boleh diakses dengan mudah dan cepat maka Jabatan Penerangan juga meningkatkan perkhidmatan dengan lebih dinamik, inovatif serta berintegrasi agar masyarakat di seluruh negara memperoleh maklumat dengan cepat.

Jabatan Penerangan pada mulanya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan Brunei dan ditubuhkan pada 1 April 1952.

Dalam membarigakan maklumat mengenai dasar dan agenda kerajaan, Jabatan Penerangan mempunyai beberapa platform yang digunakan, antaranya program kemasyarakatan, penyebaran maklumat melalui strategi media cetak dan media baharu.

Antara program kemasyarakatan yang dijalankan adalah seperti Program Bersua Muka, Program Muzakarah Penerangan (PMP) dan Program Masyarakat Bermaklumat yang giat dilaksanakan. Aktiviti seperti ini tidak hanya tertumpu di Daerah Brunei dan Muara sahaja, malahan Jabatan Penerangan di cawangan-cawangan setiap daerah turut dilibatkan dan berfungsi sama dalam memberikan

maklumat terhadap pelbagai aktiviti atau perancangan tertentu semata-mata untuk meningkatkan imej Jabatan Penerangan.

Jabatan Penerangan begitu komited dalam memasarkan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan secara konsisten dan profesional dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan untuk masyarakat di seluruh negara berkualiti, inovatif serta efektif. Jabatan ini juga akan menjadi organisasi kekal relevan berdepan pelbagai perubahan dan cabaran pada masa depan.

Menghadapi cabaran

Menyentuh mengenai dengan penjawat awam pula, sebagai penjawat awam yang berkhidmat di jabatan ini, tidak dinafikan juga menghadapi cabaran yang tidak dapat dijangka serta berdepan dengan masa depan yang tidak menentu termasuk ketidakstabilan ekonomi global, masyarakat tua, penularan wabak pandemik, perubahan demografi dan ancaman perubahan iklim. Oleh itu, berhadapan dengan cabaran berkenaan, penjawat awam perlu bersiap siaga dan membuat persediaan rapi melalui platform perkhidmatan yang kukuh, holistik

dan kalis masa hadapan. Justeru jabatan ini juga memerlukan keterangkuman idea dan jalinan kerjasama dari semua pihak termasuk pihak kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelbagai organisasi.

Kesimpulan

Dengan iltizam dan komitmen yang tinggi daripada seluruh warga Jabatan Penerangan, visi dan misi jabatan akan tercapai dan secara langsung menjadikan Jabatan Penerangan sebagai sebuah agensi kerajaan yang lebih cemerlang dan gemilang untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di negara ini.

Tujuh puluh dua tahun jabatan ditubuhkan, setentunya merupakan usia yang cukup matang dan dalam memastikan jentera Jabatan Penerangan bergerak dengan berkesan dan berjaya, warga Jabatan Penerangan perlu sama-sama memainkan peranan penting dalam memastikan program-program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Kejayaan jabatan adalah atas usaha gigih setiap warga.





DUA PELAJAR MALAYSIA MAUT DALAM NAHAS JALAN RAYA DI TASIK TEKAPO, NEW ZEALAND

PUTRAJAYA, 30 Mac. - Dua pelajar Malaysia maut dalam nahas jalan raya di Tasik Tekapo, New Zealand pada pukul 1.45 tengah hari waktu tempatan pada Sabtu.

Kementerian Luar (Wisma Putra) menerusi Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Wellington, New Zealand yang mengesahkan kemalangan itu dalam satu kenyataan berkata nahas berkenaan melibatkan lima penuntut Malaysia dan baki tiga orang lagi yang cedera diterbangkan ke Hospital Christchurch, South Islands untuk diberikan rawatan segera.

"Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Wellington, dengan bantuan komuniti Malaysia di Christchurch, sedang menghulurkan bantuan konsular sewajarnya kepada

mangsa dan ahli keluarga bagi memastikan pengurusan kebajikan kesemua mangsa berjalan dengan lancar.

Kementerian Luar dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia sedia membantu sekiranya pihak waris membuat keputusan untuk membawa pulang jenazah ke Malaysia," katanya.

Wisma Putra juga mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa nahas itu.

Rakyat Malaysia yang memerlukan sebarang bantuan konsular boleh berhubung terus dengan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Wellington di alamat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Wellington, 10 Washington Avenue, Brooklyn, PO Box 9422, Wellington,

atau di talian: +64-4-3852439/ +64-210440188 (kecemasan) dan alamat e-mel, mwwellington@kln.gov.my.

Sementara itu, seorang jurucakap Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Wellington ketika dihubungi Bernama mengesahkan nama pelajar yang meninggal dunia dalam nahas itu ialah Megat Ashman Aqif Megat Irman Jefni dan Wan Nur Adlina Alisa yang kedua-duanya adalah penuntut University of Canterbury.

Tiga lagi yang cedera ialah Nur Firas Wafiyah dan Lya Issable Walton juga penuntut daripada universiti sama sementara Muhammad Faris Mohd Fairusham daripada Victoria University Wellington. - ©BERNAMA

Indonesia tingkatkan baja bersubsidi untuk capai tahap sara diri makanan

JAKARTA, 30 Mac. - Kerajaan Indonesia telah meningkatkan baja bersubsidi untuk petani daripada 4.7 juta tan kepada 9.5 juta tan bagi mencapai tahap sara diri dalam makanan, lapor Xinhua.

Pengerusi Persatuan Petani dan Nelayan Indonesia, Yadi Sofyan Noor berkata baja bersubsidi yang diperuntukkan kerajaan kepada petani di seluruh negara menjadi penggalak untuk mencapai tahap sara diri dalam makanan.

Menurut beliau nilai 9.5 juta tan baja itu ialah 54 trilion rupiah (US\$3.4 bilion).

Beliau berkata baja bersubsidi itu termasuk baja kimia dan organik untuk sembilan jenis tanaman, iaitu padi, jagung, kacang soya, cili, bawang merah, bawang putih, tebu, kopi dan koko.

Pada Januari, Menteri Koordinator Bidang Perekonomian, Airlangga Hartarto berkata Indonesia akan mengimport tiga juta tan beras tahun ini bagi mengatasi defisit berasnya disebabkan El Nino. - ©BERNAMA

Biden menang pemilihan peringkat awal di Dakota Utara

WASHINGTON, 31 Mac. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden telah memenangi pemilihan peringkat pusingan awal (primari) untuk Demokrat di Dakota Utara, pada pilihan raya presiden AS 2024, umum parti negeri itu pada Sabtu, lapor Xinhua.

Dalam pemilihan peringkat awal di Dakota Utara, terdapat 13 perwakilan ditawarkan dan kebanyakan pengundian dilakukan

melalui undi pos.

Bekas presiden Donald Trump, calon utama Republikan muncul sebagai pemenang dalam kokus Republikan di Dakota Utara yang diadakan pada 4 Mac, dengan memperoleh semua 29 perwakilan.

Kemenangan Biden dan Trump menambah kepada bilangan perwakilan mereka ke konvensyen Kebangsaan Republikan atau

Demokrat.

Semasa proses pencalonan Demokrat 2020, Biden dikalahkan di Dakota Utara oleh Senator Bernie Sanders dari Vermont.

Negeri itu secara konsisten menyokong calon Republikan dan memihak kepada Trump dengan perbezaan yang besar dalam kedua-dua pilihan raya Presiden AS 2016 dan 2020. - ©BERNAMA

Polis Thailand serbu pusat panggilan sindiket penipuan dalam talian terbesar

BANGKOK, 30 Mac. - Polis Thailand menyerbu pusat panggilan sindiket penipuan dalam talian terbesar dan menahan 63 individu selepas beberapa siri operasi di Nakhon Si Thammarat, wilayah selatan Thailand pada Khamis.

Pembantu Komander Polis Lt Jen Polis Thatchai Pitaneelaboot yang ditugaskan untuk menggabungkan beberapa agensi dalam operasi bersepadu ini berkata menerusi siasatan proaktif yang dilaksanakan polis dengan kerjasama Pejabat Suruhanjaya Penyiaran dan Telekomunikasi Nasional (NBTC) dan Jabatan Siasatan Khas (DSI) membongkar pergerakan kumpulan pusat panggilan di wilayah itu.

Beliau berkata lokasi pertama pergerakan itu ialah di sebuah hotel di Daerah Kecil Chandi, Daerah Chawang, Nakhon Si Thammarat dan dua lagi lokasi adalah rumah-rumah di Daerah Chawang.

"Siasatan diluaskan ke sebuah gudang menjual barangan Jepun terpakai di Daerah Na Bon, Nakhon Si Thammarat di mana suspek dan lebih banyak bahan bukti ditemukan. Penyiasatan itu juga mendapati terdapat hubungan bahawa tempat itu digunakan sebagai pangkalan untuk sebuah sindiket panggilan antarabangsa. Hasilnya 63 suspek diberkas dengan 12 daripadanya adalah rakyat Thailand dan 51 lagi warganegara dari negara lain," katanya dalam satu sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata polis juga menyita barangan termasuk 223 komputer, telefon bimbit, 1,300 kad SIM keldai, 312 penghala dan 80 buku akaun bank. Thatchai berkata siasatan awal mendapati kewujudan sindiket jenayah transnasional ini yang telah bertapak di wilayah selatan itu.

"Kumpulan ini dianggap sebuah organisasi jenayah berskala besar. Pada masa ini atase polis China dan Jepun turut serta menyiasat kegiatan organisasi jenayah ini," katanya. Nakhon Si Tammarat terletak kira-kira 610km ke selatan Bangkok. - ©BERNAMA

Rusia komited kepada ASEAN, tawarkan kepakaran dalam keterjaminan makanan

KUALA LUMPUR, 30 Mac. - Rusia mengulangi komitmennya untuk memupuk hubungan yang berpanjangan dengan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), menjadikannya satu keutamaan utama dalam Konsep Dasar Luar Negaranya yang telah dikemas kini.

Timbalan Menteri Luar Rusia Andrey Rudenko yang senada dalam sentimen kepentingan kerjasama itu berkata peranan utama dialog Rusia-ASEAN sama juga mustahak dalam memupuk keselamatan dan kestabilan di rantau Asia Pasifik.

Rudenko yang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Malaysia dari 28 hingga 30 Mac ini berkata sepertimana ditetapkan dalam dasar itu, hubungan dengan ASEAN kekal sebagai satu daripada keutamaan Rusia.

"Rusia berpandangan untuk kerjasama yang efektif dan praktikal di atas platform berpaksikan ASEAN, perlu berdasarkan prinsip kesamaan dan persetujuan bersama, dengan setiap suara diambil kira.

"Kami berkongsi komitmen ASEAN kepada prinsip interaksi sama rata dan keharmonian bersama semua ahli dalam komuniti antarabangsa," kata Rudenko dalam Siri Syarahan

Tokoh (EPLS) anjuran Institut Asia-Eropah Universiti Malaya (AEI) yang berlangsung di sini.

Beliau juga berkata keutamaan utama ASEAN ialah untuk mengekalkan statusnya sebagai tulang belakang kepada "seni bina" serantau yang terangkum, seimbang dan telus.

"Amat penting bagi ASEAN, biarpun berhadapan tekanan luar yang meningkat untuk menjauhi daripada konfrontasi blok dan untuk mengekalkan statusnya sebagai tulang belakang kepada "seni bina" serantau yang terangkum, seimbang dan telus," katanya.

Mengenai keterjaminan makanan serantau, beliau berkata Rusia telah menyatakan minatnya untuk berkonsi kepakaran dan potensi sumber semula jadinya yang unik dengan rakan kongsi dari Asia Tenggara.

"Negara kami ialah satu pembekal produk pertanian dan baja yang bertanggungjawab dengan sejumlah besar daripadanya dihantar ke Asia. Terutamanya dalam hal ini, kami akan memikirkan mengambil langkah tambahan dalam bidang ini bersama rakan ASEAN kami dalam kerangka Mesyuarat Tahunan Pegawai Kanan ASEAN-Rusia mengenai Pertanian," katanya.

Sementara itu, dalam isu ekonomi,

Rudenko menekankan kepentingan meluaskan perdagangan dan hubungan ekonomi dengan negara-negara ASEAN biarpun berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19 dan sekatan Barat.

"Perkara yang menjadi perhatian kami ialah meluaskan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan negara-negara ASEAN. Rusia adalah rakan yang menarik dan boleh dipercayai. Ia merupakan kriteria yang kukuh beserta fakta untuk membuktikannya. Kami telah memasuki 2024 dengan sistem kewangan yang stabil, kadar pengangguran yang rendah dalam sejarah dan defisit belanjawan yang minimum," katanya.

Rudenko menentengahkan usaha berterusan oleh kedua-dua agensi ekonomi dari Rusia dan ASEAN untuk menangani cabaran dan memperbetulkan keadaan semasa akibat sekatan Barat ke atas Rusia dengan tumpuan kepada penggunaan mata wang kebangsaan dalam penyelesaian bersama dalam pembayaran yang menjadi satu topik yang kedua-dua pihak mempunyai kepentingan bersama.

Rusia dan ASEAN mempunyai hubungan sejak 1991 apabila Rusia menjadi Rakan Dialog dan dalam 1996 ia menjadi rakan kongsi sepenuhnya. - ©BERNAMA

Presiden Abbas mahu Israel berundur sepenuhnya dari Gaza

RAMALLAH, 30 Mac. - Presiden Palestin Mahmoud Abbas berkata pada Jumaat bahawa Israel perlu berundur dengan segera dan sepenuhnya dari Semenanjung Gaza dan menghentikan segala tindakan unilaterl di Tebing Barat dan Baitulmuqaddis.

Beliau berkata demikian semasa perbualan telefonnya dengan Presiden Bulgaria Rumen Radev yang menumpukan kepada isu Palestin, menurut Agensi Berita Palestin (WAFA).

Abbas menekankan kepentingan sebuah negara Palestin untuk menjalankan tanggungjawabnya di Gaza dan Tebing Barat dan mengetengahkan keperluan menubuhkan satu mekanisme untuk kemasukan bantuan kemanusiaan dan perubatan ke Gaza.

Beliau juga menekankan pencegahan pemindahan rakyat Palestin secara paksa dan keperluan mendapatkan status negara anggota penuh dalam Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB).

Radev berharap konflik di Gaza akan berakhir dan menyuarakan keinginannya untuk melihat rakyat Palestin mencapai kemerdekaan dan mempunyai semua hak mereka sebagai warganegara. - ©BERNAMA



IMPIAN WAN MUHAMMAD ARIF-ROY KING RANGKUL GELARAN SULUNG JELAJAH DUNIA DI MADRID LEBUR

KUALA LUMPUR, 31 Mac. - Beregu lelaki negara Wan Muhammad Arif Wan Junaidi-Yap Roy King terlepas peluang merangkul gelaran sulung Jelajah Dunia apabila dikecewakan gandingan Sabar Karyaman Gutama-Moh Reza Pahlev Isfahani dari Indonesia pada final Kejohanan Badminton Masters Sepanyol 2024, malam ini.

Pada aksi di Pusat Sukan Perbandaran Gallur di Madrid itu, Wan Muhammad Arif-Roy King yang menghuni ranking ke-65 dunia memberikan saingan sengit

sepanjang perlawanan yang berlanjutan hingga ke set penentuan sebelum kecundang 21-18, 17-21, 21-19 dalam tempoh 52 minit.

Pasangan negara yang tewas pada set pertama bangkit mencipta kemenangan penting pada set kedua sebelum meneruskan momentum positif pada set terakhir hingga berjaya mengikat kedudukan 19-19, namun gandingan lawan di ranking ke-34 dunia itu lebih unggul untuk mencipta kemenangan.

Keputusan pada final kejohanan berstatus Jelajah Dunia Super 300 itu menyaksikan Wan Muhammad Arif-Roy King mengalami kekalahan ketiga berturut-turut berdepan lawan sama.

Dalam pada itu, jaguh perseorangan lelaki Singapura Loh Kean Yew muncul juara selepas mengatasi wakil Perancis Toma Junior Popov 21-11, 15-21, 22-20, manakala gelaran juara perseorangan wanita menjadi milik Ratchanok Intanon dari Thailand yang menewaskan rakan

senegara Supanida Katethong 21-12, 21-9.

Gandingan Indonesia Rinov Rivaldy-Pitha Haningtya Mentari menjuarai acara beregu campuran selepas mengalahkan Cheng Xing-Zhang Chi dari China 17-21, 21-12, 21-13, sementara Jepun merangkul gelaran beregu wanita menerusi Rin Iwanaga-Kie Nakanishi yang meninjakkan Febriana Dwipuji Kusuma-Amallia Cahaya Pratiwi dari Indonesia 12-21, 21-8, 21-16. - ©BERNAMA

Yusri belum nampak skuad 'bayangan' Perak FC

IPOH, 31 Mac. - Pengendali Perak FC Yusri Che Lah mengakui masih mencari 'ramuan' terbaik dalam membentuk pasukannya sebelum sepak mula musim baharu Liga Malaysia (Liga-M) bagi 2024/2025 pada Mei ini.

Yusri berkata kesemua pemainnya diberi peluang untuk dinilai khususnya tahap kecergasan dan momentum persembahan dimiliki setiap anak buahnya turut diberi perhatian dalam menentukan barisan terbaik.

Beliau berkata aksi pemanas badan dengan dua kelab daripada Singapura, Geylang International FC dan Abrisex Niigata FC turut menjadi pentas untuk mencongak pemain yang ada.

"Kita masih mencari kesebelasan terbaik untuk perlawanan akan datang namun sudah semestinya dengan beberapa

kombinasi malam ini saya rasa sedikit sebanyak dapat gambaran, cuma belum sepenuhnya.

"Perlawanan malam tadi kita kehilangan lima pemain utama, Sunday Afolabi yang baharu mengalami kecederaan, Jesper Nyhlom dan tiga pemain dipanggil ke skuad Harimau Malaya Bawah 23 (B-23).

"Jadi agak sukar untuk saya buat penilaian malah pemain yang ada menunjukkan keyakinan tinggi untuk tempatkan diri dalam kesebelasan utama," katanya selepas tamat aksi persahabatan antarabangsa pramusim antara Perak menentang Abrisex Niigata di Stadium Perak, malam tadi.

Perlawanan itu menyaksikan The Bos Gaurus menewaskan juara Liga Singapura itu dengan 3-1.

Dalam satu lagi aksi persahabatan antarabangsa sebelum ini, Perak berjaya menewaskan Geylang International FC dengan keputusan 3-0. - ©BERNAMA

Skuasy Klasik London : Sivasangari singkir pemain no.1 dunia El Sherbini

KUALA LUMPUR, 31 Mac. - Jaguh skuasy wanita negara S. Sivasangari meneruskan rentak cemerlang pada edisi sulung Kejohanan Skuasy Klasik London dengan menyingkirkan pemain nombor satu dunia Nour El Sherbini dari Mesir di peringkat suku akhir, pada Sabtu.

Juara Sukan Asia 2022 itu mengambil masa 24 minit untuk mencipta kejutan ke atas El Sherbini 11-9, 11-9, pada pertandingan Jelajah Dunia Persatuan Skuasy Profesional (PSA) bertaraf Emas di Alexandra Palace, London.

Pemain nombor 16 dunia itu berpeluang mencipta satu lagi kejutan ke atas pemain yang berada dalam kelompok 10 terbaik dunia apabila dijadual bertemu pemain nombor empat dunia dari Belgium Nele Gilis di separuh akhir, hari ini. Sementara itu, dalam satu lagi aksi suku akhir Gilis bangkit daripada ketinggalan untuk menyingkirkan pemain

tuan rumah, Gina Kennedy, 6-11, 11-6, 11-3.

Bercakap kepada PSA selepas perlawanan, Sivasangari masih tidak percaya dapat mengalahkan juara dunia tujuh kali, El Sherbini buat kali pertama selepas tiga pertemuan.

"Ia tidak masuk akal. Saya amat menghormati El Sherbini, beliau terbaik dalam kejohanan dan benar-benar berbakat. Untuk menewaskan pemain seperti itu, hari ini saya berjaya capai kecemerlangan dalam pertandingan," katanya.

Dengan kemenangan ini, pemain berusia 25 tahun itu juga muncul sebagai pemain pertama di luar ranking 10 terbaik dunia menewaskan pemain Mesir itu sejak Annie Au dari Hong Kong semasa pusingan pertama Kejohanan Cleveland Classic 2015 di Ohio, Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

Tze Yong terlepas peluang ke Olimpik Paris 2024

KUALA LUMPUR, 30 Mac. - Pemain perseorangan lelaki negara, Ng Tze Yong terlepas peluang membuat penampilan sulung pada Sukan Olimpik 2024 di Paris yang dijadual berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos depan.

Ini selepas Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mengesahkan pemain ranking ke-18 dunia itu masih belum bersedia meneruskan latihan dan pertandingan peringkat tinggi kerana berisiko memburukkan lagi kecederaan belakangnya.

Justeru BAM dalam kenyataan hari ini memaklumkan pakar bedah, ahli fisioterapi, jurulatih dan Tze Yong sendiri telah bersetuju pemain berusia 23 tahun itu belum bersedia secara fizikal untuk Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BAC) 2024 di Ningbo, China pada 9 hingga 14 April ini.

Meskipun kecewa kerana terpaksa melepaskan BAC, Tze Yong dalam kenyataan sama berkata keutamaan pada masa ini adalah kesihatan dan pemulihannya.

"Saya amat berterima kasih atas sokongan pasukan perubatan dan jurulatih, saya akan memberi tumpuan kepada pemulihan saya untuk kembali lebih kuat. Saya harap dapat kembali ke gelanggang secepat mungkin dan menyumbang kepada pasukan," katanya.

Pemenang pingat perak perseorangan lelaki Sukan Komanwel 2022 itu dijadualkan memulakan kempen BAC 2024 menentang pemain Taiwan, Wang Tzu Wei.

Sementara itu, Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia (ABM) Remy Mainaky berkata pemain kelahiran Johor berkenaan telah memulakan latihan ringan namun belum meneruskan latihan berintensiti

tinggi termasuk lompatan.

"Keutamaan kita kepada kesihatan dan kesejahteraan pemain. Pemulihan Tze Yong dan keadaan keseluruhannya menjadi perhatian utama kita.

"Kita pantau dengan teliti kemajuan dan keadaannya dalam beberapa minggu akan datang. Tze Yong mempunyai masa depan yang cerah, jadi amat penting untuk fokus kepada pemulihan sepenuhnya," katanya.

Meskipun terlepas peluang ke Olimpik Paris 2024, Remy percaya Tze Yong yang masih muda mempunyai peluang untuk bersaing di kejohanan itu pada masa depan.

Pada Selasa lepas, Remy dilapor berkata Tze Yong masih berpeluang membuat penampilan sulung di Sukan Olimpik sekiranya berjaya menjuarai BAC 2024.

Tze Yong telah dikeluarkan daripada senarai

kedudukan 16 pemain teratas dalam Race to Paris menjelang tarikh akhir kelayakan pada 28 April ini.

Pemain profesional Lee Zii Jia berada dalam kedudukan terbaik untuk beraksi buat kali kedua di pentas Olimpik selepas Tokyo 2020 apabila menduduki tangga ke-10 dalam carta Race to Paris dengan memungut 68,296 mata.

Sesebuah negara hanya boleh menghantar dua wakil bagi acara perseorangan, jika kedua-dua pemain berada pada kedudukan 16 teratas dalam ranking Race to Paris.

Dalam pada itu Remy berkata Tze Yong mungkin dipertimbangkan menyertai skuad Piala Thomas 2024 yang akan berlangsung dari 27 April hingga 5 Mei di Chengdu, China, bergantung kepada keadaannya dalam beberapa minggu ini. - ©BERNAMA